

"BERKAT kelikhlasan dan persefahaman yang tinggi di antara kerajaan dan rakyat, negara kita telah dapat ditadbir dengan lancar dan sempurna, sehingga membawa kepada kesihatan, keamanan dan kesejahteraan yang sebenar-benarnya." - Titah sempena Menyambut Awal Tahun Baru Hijrah 1420.



قلیتا برونی Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"LIMA waktu tidak ditolak sesuatu doa itu iaitu pada malam Jumaat, malam 10 Muharam, malam Nisfu Syaaban, malam Aidilfitri dan malam Aidiladha." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 46 BILANGAN 14 RABU 4 APRIL, 2001/1422 رابو 10 محرم

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI: (02) 383941/(02) 383804 Faks: (02) 381004/(02) 380507

Pengeluaran lesen perkhidmatan selular kedua KERAJAAN TELAH BERI KEBENARAN

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan bersara, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari bin Ahmad, dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz.

Sejurus selepas itu, baginda kemudiannya berkenan menerima mengadap Perutusan Khas Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Paul Dominguez.

Kedua-dua istiadat mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Tuan Yang Terutama Tuan Paul Dominguez berada di negara ini bagi menyampaikan perutusan khas daripada Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Presiden Gloria Arroyo.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Paduka Awang Haji Suyoi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan bersara dan yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar. - Gambar oleh Halim HS.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perutusan Khas Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Paul Dominguez. - Gambar oleh Hamadi HM.

BERAKAS, 27 Mac. - Pelanggan-pelanggan telefon selular di negara ini sedikit masa lagi akan mempunyai pilihan kedua bagi menggunakan perkhidmatan berkenaan.

Ini berikutan kepada saiz pasaran di mana Kementerian Perhubungan menganggarkan akan mengeluarkan satu lagi lesen kepada pengendali baru telefon bergerak selular.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria memaklumkan perkara itu ketika berucap sebelum melancarkan Pusat Urusniaga Jabatan Telekom Brunei (JTB) di Ruang Legar JTB.

Katanya, kerajaan telah memberikan kebenaran untuk mengeluarkan satu lagi lesen bagi perkhidmatan selular kedua di negara ini.

"Butir-butir lanjut mengenai akan dikeluarkan oleh Kementerian Perhubungan dalam sedikit masa lagi dan kita berharap, insya-Allah lesen ini akan boleh dikeluarkan dengan secepat-cepat yang boleh," jelas Yang Berhormat.

Menurutnya, kita berharap pembukaan atau liberalisasi industri perkhidmatan telekomunikasi ini akan mewujudkan persaingan yang sihat, yang akan membuahkan hasil dan faedah yang lebih baik kepada pengguna dalam bentuk perkhidmatan yang lebih berkualiti dan 'reliable' dengan kadar bayaran yang berpatutan di samping penyediaan pilihan-pilihan kepada orang ramai.

Yang Berhormat juga mengemukakan bahawa rakyat dan penduduk di negara ini tidak terkecuali yang tinggal di pedalaman, akan dapat sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan tersebut dengan terlaksananya sistem rangkaian telekomunikasi di kawasan-kawasan pedalaman.

"Bagi Daerah Tutong dan Temburong, rancangan ini akan dilaksanakan seawal-awal bulan Mei ini, dan bagi Daerah Belait ia akan diumumkan pada awal tahun 2002," kata Yang Berhormat lagi.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, baru-baru ini, Kementerian Perhubungan juga telah membukakan sektor internet yang sebelum ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Telekom Brunei.

"Hasil daripada liberalisasi tersebut, sebanyak empat lesen baru pengendali perkhidmatan

Oleh Abdullah Asgar

KERAJAAN telah memberikan kebenaran untuk mengeluarkan satu lagi lesen bagi perkhidmatan selular kedua di negara ini.

internet telah diberikan untuk menawarkan perkhidmatan mereka untuk memberikan kepelbagaian pilihan kepada orang ramai bagi melayari internet," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu dalam ucapan alu-aluan, Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman menjelaskan, kaunter-kaunter yang ada di Daerah Belait, Tutong dan Temburong sedikit masa lagi juga akan dijadikan sebagai Pusat Urusniaga dan Jabatan Telekom Brunei juga merancang untuk membuka satu lagi pusat di kawasan Labi dan akan memperkenalkannya di kawasan-kawasan lain seperti Lamunin, Sengkunong dan Berakas.

Lihat muka 5





دَعْنِ نَامَ اللَّهِ بِغَمِّهَا
قَمُورُهُ دَانِ مَهَا قَبَائِغِ

Dari Sidang Pengarang

4 April, 2001 BERSAMAAN 1422

10 محرم

KERAJAAN PRIHATIN MASALAH ORANG RAMAI

SESUNGGUHNIA pembangunan dan kemajuan yang dihasratkan oleh sesebuah negara, masyarakat, mukim dan kampung tidak akan dapat dicapai tanpa adanya perpaduan dan kerjasama di antara satu dengan yang lain. Ini jelas, kalau kita lihat, sesebuah negara tidak akan dapat merancang keperluan masyarakat tanpa adanya perpaduan dan kerjasama orang ramai memberikan maklum balas mengenai masalah setempat yang perlu diteliti oleh pihak kerajaan. Begitu juga orang ramai tidak akan dapat menyalurkan isu-isu utama kepentingan masyarakat keseluruhan jika sekiranya agensi bertanggungjawab tidak memberikan kerjasama sepenuhnya. Dari titik tolak inilah, kita melihat bahawa perpaduan dan kerjasama antara kedua-dua pihak adalah sangat penting dalam menuju ke arah pencapaian kejayaan pembangunan dan kemajuan negara dan masyarakat yang merdeka.

Di samping itu, perlu juga kita menyedari bahawa pihak kerajaan sememangnya merancang secara berterusan dalam membangun dan memajukan keperluan-keperluan masyarakat negara ini secara berperingkat-peringkat. Melalui Rancangan Kemajuan Negara sejak Rancangan Kemajuan Negara yang pertama lagi hingga ke Rancangan Kemajuan Negara Ke-7 di mana pihak kerajaan memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk pembangunan dan kemajuan bagi kepentingan masyarakat dan negara.

Dalam masa yang sama, setentunya institusi penghulu dan ketua kampung di negara ini semestinya berfungsi setiap masa dalam menyalurkan isu-isu semasa masyarakat di mukim dan kampung di mana mereka berada. Dengan kata lain mereka adalah sebagai 'Pegangan' dua hala bagi mendekatkan maklumat semasa kepada pihak agensi kerajaan dan juga masyarakat setempat mereka. Keberkesanan hubungan dua hala yang mereka laksanakan tertakluk kepada kebijaksanaan mereka dalam menangani isu-isu yang ditimbulkan, begitu juga faktor utama seperti dedikasi mereka juga adalah memperhatikan kewibawaan mereka kepada anak-anak buah di mukim atau kampung. Dalam masa yang sama, penghulu dan ketua kampung perlu mendapat layanan dan kerjasama dari pihak yang berkenaan dalam menangani isu-isu masyarakat sesuai dengan peranan utama mereka sebagai penghubung dua hala.

Dari Majlis Dialog Mesra Rakyat yang diadakan di Daerah Tutong baru-baru ini jelas menunjukkan bagaimana hasrat kedua-dua pihak untuk mendengar dan memberikan penjelasan yang tepat mengenai pelbagai masalah orang ramai yang memerlukan jawapan secara telus. Ketelusan memperlihatkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melayani masalah orang ramai, pihak kerajaan tidak pernah mengenyahkan isu-isu yang ditimbulkan oleh orang ramai terutamanya isu-isu kepentingan umum yang memerlukan perhatian segera. Di sinilah kita dapat melihat keberhasilan daripada perpaduan dan kerjasama antara anak buah kampung dengan penghulu/ketua kampung dalam mewujudkan majlis dialog tersebut. Perpaduan dan kerjasama juga wujud antara pemimpin akar umbi dan masyarakat dengan pemimpin negara. Dengan cara ini maklumat yang kurang tepat akan menjadi tepat dan akan meningkatkan keyakinan masyarakat ke arah pembangunan dan kemajuan sesebuah tempat di negara ini.

Dari Majlis Dialog tersebut, kita dapat mengambil kesimpulan dari pelbagai sudut yang mana mempunyai faedah kepada kedua-dua belah pihak. Antaranya penduduk mukim atau kampung dapat berhubung dan berbincang secara langsung mengenai apa jua isu dengan pemimpin dan pegawai-pegawai kanan kerajaan secara dekat dan mendapat jawapan daripada pihak pembuat dasar. Di masa yang sama orang ramai akan mendengar secara langsung penjelasan daripada pihak berkenaan dan mengetahui rancangan-rancangan yang bakal diwujudkan di tempat mereka. Berbincangan secara langsung kedua pihak juga dapat memberikan peluang kepada pihak kerajaan meneliti mengenai isu-isu yang dikemukakan mengikut keutamaan.

Sesungguhnya, inilah budaya kita orang Brunei bermusyawarah untuk menyelesaikan masalah, dengan pertemuan secara langsung ini sekurang-kurangnya dapat menghuraikan persoalan yang selama ini tidak jelas. Maklumat secara langsung dapat didengar melalui pihak yang bertanggungjawab mengenai isu yang datangnya daripada masyarakat itu sendiri. Dengan pendekatan ini setentunya tidak timbul keraguan masyarakat untuk ikut serta dalam membangun masyarakat dan negara dalam pelbagai sudut pembangunan dan kemajuan.

Secara umum, kita harus menyedari bahawa pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan sememangnya bersifat terbuka dalam mendengar apa jua aduan dan masalah yang menjurus kepada kepentingan umum. Soalnya terpujanglah kepada kita bagaimana menggunakannya. Apa yang lebih penting, kita seharusnya lebih bijak menggunakan peluang yang sedia ada. Kejayaannya adalah hasil daripada perpaduan dan kerjasama pelbagai pihak yang berhasrat untuk kesejahteraan, keharmonian, keselamatan, keamanan masyarakat dan negara. Kita harus bangga kepada kerajaan kerana menitikberatkan kepentingan masyarakat bukan sahaja yang tinggal di bandar tetapi juga yang tinggal di pedalaman. Setentunya semua maklumat yang ada tidak akan sampai kepada masyarakat jika tidak diwujudkan interaksi antara penerima maklumat dengan pemberi maklumat dengan kata lain perlu ada perhubungan dua hala antara pemimpin negara dengan rakyat, pemimpin mukim dan kampung dan sebagainya.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH, Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Dengan limpah kurnia-Nya, jua dapatlah kita memasuki Tahun Baru Hijrah 1422. Semoga ianya membawa keberkatan kepada kita semua.

Sejarah Hijrah yang agung tidak dua tiga, melainkan hanya satu saja, iaitu Hijrah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hijrah ini meliputi Hijrah jasmani dan rohani, hijrah dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain. Sementara dari segi rohani pula ialah hijrah kepada seluruh nilai-nilai yang luhur yang meliputi segala aspek akhlak dan amal salih.

Landasannya ialah akidah yang satu, iaitu kepercayaan kepada Allah Yang Maha Esa. Ia telah menciptakan 'persaudaraan agung' di kalangan ummah, sehingga melahirkan kekuatan luar biasa yang tidak dapat ditandingi.

Inilah dia Hijrah serta natijahnya kepada Islam dan umat Islam. Kita perlu belajar dan menimba hikmah daripadanya.

Persaudaraan acuan Hijrah telah menempa sejarahnya yang tersendiri. Ia tidak mudah pudar walau diuji. Malah semakin besar ujian yang diterimanya, semakin ia kental dan padu.

Contohnya ialah persaudaraan orang-orang Ansar dan orang-orang Muhajirin. Ianya tidak pernah retak, sekalipun dilanda oleh pelbagai fitnah dan ujian.

Inilah contoh persaudaraan yang kita inginkan. Dunia Islam sangat-sangat memerlukan untuk mereka itu memperbaiki semula kerosakan-kerosakan yang telah lama terjadi akibat dari perpecahan dan persengketaan sesama sendiri.

Kita turut berharap, bahawa persaudaraan atau perpaduan akan menjadi agenda utama bagi umat Islam di Tahun 1422 ini.

Agenda-agenda lain bolehlah menyusul, tetapi tanpa perpaduan apa jua jenis agenda, akan mengalami kegagalan dan sia-sia.

Perpecahan adalah racun bagi pembangunan, apa jua jenis pembangunan sama ada mental ataupun fizikal. Sementara perpaduan pula adalah ubatnya.

Maka, rawatlah pembangunan yang kurang sihat dengan perpaduan, insya Allah, segala-galanya akan berjalan dengan baik dan lici.

Elakkan dari apa jua unsur yang membawa kepada perpecahan. Jauhkan diri dari segala anasir yang boleh menyebabkan pecah-belah.

PERPECAHAN adalah racun bagi pembangunan, apa jua jenis pembangunan sama ada mental ataupun fizikal. Sementara perpaduan pula adalah ubatnya.



TITAH perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Awal Tahun Baru Hijrah 1422.

KUATKAN PEGANGAN KEPADA 'TALI ALLAH'

Bagi kita umat Islam, kuatkan pegangan kita kepada 'Tali Allah' yakni agama-Nya. Jangan sekali-kali berbelah bahagi. Bulatkan fikiran dan satukan langkah, insya Allah kita selamat.

Allah akan memelihara orang-orang yang memelihara agama-Nya. Tidak ada sebarang ketakutan dan dukacita bagi mereka. Berbeza dengan orang-orang yang lari daripada agama, mereka akan sentiasa goyang dan rapuh pendirian, dan kadang-kadang mereka-lah ejen kerosakan dalam masyarakat, kerana langkah dan aktiviti mereka sebenarnya dibantu oleh musuh dan syaitan.

Jika kita memiliki asas-asas pendidikan dan persau-

daraan Islam yang kukuh, maka tidak akan berbangkit orang-orang Islam melakukan subversif-subversif keagamaan ataupun lain-lain. Mereka akan tetap di dalam akidah yang betul, dan tidak berganjak untuk memeliharanya buat selama-lamanya.

Pada ketika ini, sudah ada percubaan yang berani daripada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab untuk merosakkan keharmonian masyarakat, khasnya masyarakat Muslim, sekali-pun mereka itu menyedari ini adalah bertentangan dengan Undang-Undang dan Perlembagaan Negara.

Beta suka mengingatkan, bahawa tidak akan ada sebarang kelonggaran atau tolak ansur untuk sesiapa jua, sama ada ia orang dalam ataupun lebih-lebih lagi dari luar negara, untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan Undang-Undang dan Perlembagaan Negara ini.

Oleh itu, selaku Daulah Islamiah, kita adalah sentiasa mengemaskan diri. Dan ke arah ini, kerajaan beta

pada masa ini sedang rancang bergerak menyesuaikan undang-undang negara dengan kehendak-kehendak hukum syarak. Melalui Majlis Ugama Islam dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Pejabat Peguam Negara, kita telah pun menyelesaikan beberapa buah undang-undang yang baru.


Kesemua undang-undang tersebut telah pun diwartakan.

Mudah-mudahan dengan dikuatkuasakan undang-undang ini, akan menambahkan lagi kemajuan negara serta bersinar agama Islam yang maha suci, membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran. Amin.

Akhirnya, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijrah 1422 kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam, semoga kita sentiasa berada di dalam ketaatan dan sejahtera.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC)



Liputan Haji Ahat Haji Ismail
dari Santiago, Chile

Berangkat tiba di Santiago, Republik Chile

SANTIAGO, 28 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat tiba di Santiago, Republik Chile bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Forum Kerjasama Asia Timur-Amerika Latin (FEALAC).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Santiago dijunjung oleh Duta Besar Chile Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Roberto Ibara dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Chile.

Pada sebelah malam, Duli Yang Teramat Mulia bersama dengan rakan-rakan sejawat dari FEALAC, Kumpulan Rio dan Persekutuan Eropah (EU) telah dialu-alukan oleh Presiden Chile, Tuan Yang Terutama Presiden Ricardo Lagos, di

Istana Presiden.

Di majlis tersebut, Presiden Ricardo Lagos kemudiannya memberikan jamuan makan malam bagi meraikan menteri-menteri yang menghadiri mesyuarat tersebut.

Negara Brunei Darussalam dan Chile telah menubuhkan hubungan diplomatik sejak tahun 1984 dan hubungan kerjasama perdagangan dua hala pula bermula tahun 1977, dengan Chile mengeksport barangan, makanan, pembuatan dan tembakau.

Di samping menjadi anggota FEALAC, Chile bersama jiranannya Peru dan Mexico dari Amerika Latin juga menganggotai Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Mesyuarat FEALAC kali pertama yang dipengerusikan oleh Chile antaranya membincangkan isu-isu yang menjadi perhatian Asia Timur dan Amerika Latin selain meningkatkan persefahaman, dialog serta kerjasama antara Asia Timur-Amerika Latin.

FEALAC bincang agenda kerjasama ekonomi, politik, pendidikan dan kebudayaan

SANTIAGO, 29 Mac. - Pembangunan ekonomi dan politik merupakan antara perkara yang menjadi fokus agenda perbincangan 'retreat' para menteri di Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC) di Kelab Golf Frances di sini.

Para menteri membincangkan perkara tersebut dengan panjang lebar dalam sesi tertutup yang merangkumi kepentingan semua negara anggota serta mengambil kira asas dan faedah daripada bidang berkenaan.

Di samping membincangkan pembangunan ekonomi dan politik, 'retreat' yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Luar Chile, Puan Yang Terutama Puan Maria Soledad Alvear dan Menteri Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar itu juga turut membincangkan bidang kerjasama pendidikan dan kebudayaan.

Berangkat menyertai sesi 'retreat' di luar Bandar Santiago itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum itu, pada sebelah pagi, Duli Yang Teramat Mulia berserta menteri-menteri berangkat menghadiri Majlis Santap Pagi di Istana Presiden yang disembahkan oleh Presiden Republik Chile, Tuan Yang Terutama Presiden Ricardo Lagos.

Diikuti selepas itu dengan berangkat menghadiri sesi plenari mesyuarat menteri-menteri dan kemudian para menteri dan delegasi diraikan di Majlis Jamuan Makan Tengah Hari yang diberikan oleh Menteri Luar Chile, Puan Yang Terutama Puan Maria Soledad Alvear.

Wakil Bank Pembangunan Antarabangsa (IDB) dan Suruhanjaya Ekonomi Bagi Negara-negara Amerika Latin (ECLAC) telah menyampaikan ucapan di majlis tersebut.

Pada sebelah malam, Duli Yang Teramat Mulia beserta Menteri-menteri luar dan ketua-ketua delegasi berangkat menghadiri Majlis Santap Malam di Kelab Golf Frances yang disembahkan oleh Menteri Luar Republik Chile, Puan Yang Terutama Puan Maria Soledad Alvear.

Cuba, Costa Rica dan El-Salvador ANGGOTA BARU FEALAC

SANTIAGO, 29 Mac. - Menteri-menteri Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC) telah bersepatutnya menerima tiga negara yang terdiri dari Cuba, Costa Rica dan El-Salvador menjadi ahli bagi forum berkenaan.

Penerimaan ketiga-tiga ahli baru FEALAC itu diumumkan semasa sesi plenari mesyuarat menteri-menteri yang dipengerusikan oleh Menteri Luar Republik Chile, Puan Yang

Terutama Puan Maria Soledad Alvear. Berangkat ke sesi plenari itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Dengan penerimaan tiga negara itu telah menjadikan FEALAC yang diasaskan oleh Republik Singapura tahun 1998, kini mempunyai 29 negara anggota iaitu Jepun, China, Republik Korea, Republik Singapura, Republik Indonesia, Malaysia, Thailand, Republik Filipina, Negara Brunei Darussalam, Viet Nam, Laos, Kemboja, Myanmar, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Venezuela, Bolivia, Pan Paraguay, Ecuador, Mexico, Australia dan New Zealand.

Selain menerima tiga anggota baru FEALAC, semasa sesi plenari mesyuarat tersebut, para menteri bertukar-tukar pandangan untuk meningkatkan kerjasama di antara negara-negara Asia Timur dan Amerika Latin.

Dalam sesi mesyuarat itu juga, Duli Yang Teramat Mulia telah mengadakan perjumpaan dua hala bersama Menteri Luar Chile, Puan Yang Terutama Puan Maria Soledad Alvear. Hadir sama di perjumpaan itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Lim Jock Seng.

Menurut siaran akhbar, Duli Yang Teramat Mulia dan Puan Yang Terutama telah membincangkan untuk meningkatkan lagi hubungan kedua-dua buah negara.

FEALAC tubuh kumpulan kerja

SANTIAGO, 30 Mac. - Menteri-menteri dan ketua-ketua delegasi Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC) bersepatutnya untuk menubuhkan tiga bidang kumpulan kerja yang menjurus kepada mengukuhkan kerjasama dan dialog.

Menurut kenyataan akhir yang dikeluarkan ketika sesi terakhir plenari mesyuarat pertama FEALAC itu, tiga bidang kerja yang akan dilaksanakan itu terdiri daripada politik dan kebudayaan, sosial dan ekonomi serta pelajaran, sains dan teknologi di mana setiap kumpulan kerja tersebut masing-masing mempunyai pengerusi bersama.

Dalam kenyataan itu juga, para menteri dan ketua delegasi menyatakan rasa puas hati di atas kejayaan dan kelancaran pengendalian mesyuarat pada 29 dan 30 Mac lalu.

Plenari Mesyuarat Santiago itu selanjutnya mencatatkan bermulanya dialog dan kerjasama perjumpaan antara Asia Timur dan Amerika Latin di bidang politik, kebudayaan, sosial, ekonomi dan isu-isu antarabangsa yang menjadi perhatian masa kini.

Dalam hubungan ini kenyataan tersebut menjelaskan, akan dapat

menguatkan hubungan antara dua rantau dalam memainkan peranan serta menghadapi cabaran dunia tanpa sempadan.

Mesyuarat ini juga membuka lembaran baru dalam meningkatkan persefahaman, tanpa mengira aspirasi identiti budaya antarabangsa satu sama lain.

Menteri-menteri dan ketua delegasi FEALAC selanjutnya juga menyatakan rasa yakin terhadap Colombia dan Republik Filipina yang akan mengambil giliran sebagai penyelaras forum akan datang.

Ucapan penghargaan dan tahniah juga mereka tujukan kepada Chile selaku tuan rumah yang telah melaksanakan mesyuarat dengan jayanya bersama Republik Singapura.

Chile bersama Republik Singapura melaksanakan tanggungjawab sebagai penyelaras FEALAC sejak tahun 1999 apabila mesyuarat pertama forum bermula.

Mesyuarat forum selama dua hari yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Luar Chile, Puan Yang Terutama Puan Maria Soledad Alvear dan Menteri Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar itu juga mengalu-alukan penyertaan tiga ahli baru yang terdiri dari Cuba, Costa Rica dan El-Salvador.

Kemajuan ICT bawa perubahan pesat

BERAKAS, 24 Mac. - Kemajuan teknologi komunikasi, satelit dan informasi masa kini telah membawa perubahan yang pesat kepada pelbagai bidang dan perkhidmatan termasuk kaji cuaca.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria berkata, selaras dengan kemajuan teknologi tersebut, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah merancang dan melaksanakan pelbagai usaha dan projek dengan penggunaan kemajuan sains dan teknologi infokomunikasi dan satelit.

Yang Berhormat menjelaskan, projek-projek berkenaan ialah peningkatan kelajuan penerimaan data melalui sistem telekomunikasi global, peningkatan sistem amaran ribut radar cuaca, sistem plotting carta cuaca automatik, peningkatan sistem penerimaan maklumat imej-imej satelit cuaca dan perangkaan sistem-sistem maklumat cuaca.

Cuaca, iklim dan air, jelas Yang Berhormat, merupakan elemen-elemen semula jadi yang memberikan pengaruh meluas terhadap kehidupan manusia dalam menjaga alam sekitar dan meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat.

"Negara kita terletak di rantau dunia di mana elemen-elemen tersebut mendatangkan bencana alam yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda," ujar Yang Berhormat di Majlis Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia yang berlangsung di Dewan Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Fenomena El-Nino dan La-Nina yang berlaku di negara ini beberapa tahun yang lalu, kata Yang Berhormat, telah menyebabkan banjir dan kemarau yang terus mengancam kehidupan penduduk.

Menyentuh tema sambutan tahun ini iaitu 'Sukarelawan Bagi Cuaca, Iklim dan Air', Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa dalam konteks negara ini, sukarelawan-sukarelawan yang dimaksudkan termasuklah agensi-agensi kerajaan yang lain serta institusi pengajian.

Kata Yang Berhormat, "Pada akhir tahun 80-an sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh beberapa agensi kerajaan daripada pelbagai kementerian bagi penyelarasan pengutipan data-data cuaca seperti turutan hujan dan juga suhu udara."

Perkhidmatan Kaji cuaca DCA yang bertindak selaku penguatkuasa kepada jawatankuasa itu telah dapat mengumpul data daripada sukarelawan-sukarelawan tersebut dan sekali gus menyumbang kepada peningkatan kefahaman terhadap iklim negara ini.

Dengan pengalaman yang diperolehi daripada hubungan dengan rangkaian perkhidmatan kaji cuaca di dunia serta hasil daripada kegiatan-kegiatan yang dikendalikan di negara ini, Perkhidmatan Kaji cuaca DCA telah berkeupayaan memupuk minat orang ramai untuk menjadi sukarelawan bagi memberikan sumbangan kepada perkhidmatan tersebut.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, Perkhidmatan Kaji cuaca DCA juga boleh membantu sekolah-sekolah dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti kaji cuaca bagi menyemai minat penuntut-penuntut sebagai satu kegiatan luar baik sebagai hobi mahupun sebagai satu profesion.

Pembantu Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Abdul Kadir bin Tengah dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, tema yang dipilih untuk tahun ini adalah sebagai penghargaan dan pengiktirafan semua sumbangan sukarelawan ter-

Oleh Bolhassan HAB

masuk kumpulan kerja dan sekolah yang menampilkan sains meteorologi dan hidrologi serta selaras dengan rancangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengisytiharkan tahun ini sebagai Tahun Sukarelawan Antarabangsa.

Beliau berkata dalam era pembangunan masa kini, perkhidmatan kaji cuaca akan terus meningkatkan keupayaan dengan mempunyai peralatan-peralatan kaji cuaca yang moden dan canggih.

Sempena sambutan tahun ini, Menteri Perhubungan telah diberi penghormatan untuk melancarkan rangkaian Sistem PC-WINSAT yang merupakan sistem rangkaian semua sistem di perkhidmatan kaji cuaca iaitu Doppler Weather Surveillance Radar, Satelit Cuaca GMS dan Polar Orbiting Satelit.

Sistem itu berkeupayaan menerima, mengesan dan merakam maklumat-maklumat kaji cuaca yang terkini yang membolehkan peramal kaji cuaca membuat ramalan cepat dan tepat.

CUACA, iklim dan air, jelas Yang Berhormat, merupakan elemen-elemen semula jadi yang memberikan pengaruh meluas terhadap kehidupan manusia dalam menjaga alam sekitar dan meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat.

Promosi hasil-hasil tanaman menggalakkan

Oleh Abu Bakar HAR

RIMBA, 25 Mac. - Majlis Promosi Hasil-hasil tanaman yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian yang berlangsung di Pusat Urusniaga Hortikultur yang bermula 24 Mac lalu dimeriahkan lagi dengan penyampaian hadiah kepada peserta-peserta yang menyertainya.

Promosi yang berlangsung selama tiga hari itu telah banyak menarik minat orang ramai untuk mengunjunginya sambil berbelanja.



PENGIRAN Anak Hajah Kamariah binti Pengiran Muda Saifuddin, isteri Pengarah Pertanian ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang gerai terbaik sempena Majlis Promosi Hasil-hasil Tanaman yang berlangsung di Pusat Urusniaga Hortikultur, Rimba. - Gambar oleh Haji Masmahe HMA.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Haji Zaakria ketika merasmikan Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia yang berlangsung di Dewan Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Gambar oleh Hamadi HM.



MENTERI Perhubungan ketika menyaksikan rangkaian Sistem PC-WINSAT yang merupakan sistem rangkaian semua sistem perkhidmatan kaji cuaca. - Gambar oleh Hamadi HM.

Sebanyak lima kategori telah dipertandingkan dalam kategori gerai-gerai terbaik. Kategori sayur-sayuran telah dimenangi oleh Syarikat Hajah Jamaliah Haris dan Anak-Anak, kategori buah-buahan dimenangi oleh Perniagaan NS Abdul Salam, kategori orkid dimenangi oleh Azura Florist dan Nursey dan kategori bonsai dimenangi oleh Syarikat Haji Saban bin Othman dan Anak-Anak serta kategori pemerosesan makanan disandang oleh Perusahaan Aminah.

Lebih menarik lagi promosi tersebut telah dimeriahkan dengan penglibatan kanak-kanak dalam peraduan mewarna yang dibahagikan kepada tiga kategori.

Kategori 'A' bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun dimenangi oleh Dayangku Iffah Wafiah binti Pengiran Haji Rosley, kategori 'B' bagi umur 7 hingga 9 tahun dimenangi oleh Dayang Siti Aishah binti Haji Mohd. Jaafar dan kategori 'C' bagi peringkat kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun dimenangi oleh Dayangku Norashedah binti Pengiran Haji Rosley.

Manakala dalam acara meneka nama benih pokok buah disandang oleh Awang Haji Zaili bin Haji Zakaria.

Hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan penyampaiannya oleh Pengiran Anak Hajah Kamariah binti Pengiran Muda Saifuddin, isteri Pengarah Pertanian.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan menganugerahkan diploma, sijil dan lencana kejururawatan kepada seorang graduan lepasan maktab itu di Majlis Konvokesyen Ke-7 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB). - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



BERANGKAT sama di Majlis Konvokesyen Ke-7 Maktab Jururawat PAPRSB ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzhilah Lubabul Bolkiah. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Sentiasa tingkatkan kemahiran

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 31 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah bersabda menekankan agar pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh para jururawat dijadikan asas pada mengembangkan lagi ilmu pengetahuan mereka dalam usaha berterusan ke arah mewujudkan perawatan yang berkualiti dan berkesan kepada masyarakat.

"Ilmu pengetahuan dan kemahiran serta dengan perasaan penuh komitmen, dedikasi dan bertanggungjawab terhadap kerjaya akan dapat menjadikan para jururawat sebagai tenaga kerja yang berkualiti tinggi dan lebih produktif.

Di samping itu, para jururawat perlu bersedia menghadapi cabaran-cabaran tertentu di zaman teknologi dan komunikasi ini serta perlu peka terhadap perubahan-perubahan dalam bidang perubahan yang harus dijadikan dasar pada meningkatkan lagi ilmu pengetahuan masing-masing," sabda Yang Teramat Mulia di Majlis Konvokesyen Ke-7 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam hubungan ini, Yang Teramat Mulia menyifatkan jururawat yang berjaya adalah mereka yang sentiasa mempersiapkan diri mereka de-

ngan mendalami ilmu pengetahuan serta meningkatkan kemahiran.

"Insya-Allah dengan kemahiran yang diperolehi serta dengan sikap pemedulian, sabar dan tabah serta berbudi bahasa di dalam memberikan perkhidmatan akan dapat mengharumkan nama baik serta imej kejururawatan negara kita," jelas Yang Teramat Mulia sebelum mengakhiri sabda di majlis itu.

Yang Teramat Mulia yang juga merupakan penaung maktab tersebut terdahulu dari itu juga melahirkan harapan bahawa pertambahan bilangan mereka yang memperolehi kelulusan kejururawatan sedikit sebanyak akan dapat menampung kekurangan jururawat yang berkelulusan di kalangan anak-anak tempatan.

Turut berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzhilah Lubabul Bolkiah.

Sambungan dari muka 1

Pengeluaran Lesen Perkhidmatan Selular Kedua

Di samping itu tambahnya, JTB juga sedang merancang untuk memperkenalkan 'perkhidmatan premium' terutama bagi pelanggan VVIP dan VIP serta korporat yang memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan pemasangan dan membaik pulih talian yang segera terutama bagi permintaan-permintaan selepas waktu bekerja dan hari-hari kelepasan awam.

Katanya, bagi menggunakan perkhidmatan premium itu akan dikenakan bayaran sebanyak B\$50.00 bagi urusan pembaik pulih talian.

"Bagi kerja-kerja yang melibatkan pemasangan dan penggantian pendawaian dalaman maka caj tetap sebanyak B\$100.00 akan dikenakan kepada pelanggan. Kerja-kerja pendawaian dalaman ini adalah termasuk kos barangan seperti satu soket telefon dan kabel dalam," jelas beliau.

Selain itu, tambahnya, JTB akan menggunakan nombor talian utama 321321 bagi menggantikan nombor lama 382382, bagaimanapun nombor lama masih boleh digunakan dalam masa tiga bulan ini.

Dengan nombor ini JTB akan menggunakan sistem

panggilan terus ke sambungan-sambungan pegawai dan kakitangan di JTB.

Melalui kemudahan ini, ianya akan memudahkan lagi para pemanggil untuk membuat panggilan ke JTB.

Kemudahan ini juga akan ditambah dengan menyediakan perkhidmatan pesanan suara di masa akan datang yang mana para pemanggil boleh meninggalkan pesanan mereka apabila

nombor yang dipanggil tidak berjawab.

"Sistem 'Call Accounting' juga dirancang untuk digunakan bagi merekodkan kesemua panggilan-panggilan yang dibuat," katanya.

Manakala itu, dalam siaran media JTB memberitahu pelancaran Pusat Urusniaga yang berkonsepkan 'One Stop Services' ini adalah sebagai salah satu usaha JTB di dalam memberikan kemudahan kepa-

da orang ramai untuk membuat apa jua transaksi yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan.

Selain dari itu, jelas siaran itu, kaunter-kaunter yang ada juga disediakan dengan kemudahan-kemudahan penghantaran faksimili, telegram dan panggilan antarabangsa (IDD) serta tempat bertanya.

Kaunter Pusat Kad juga diadakan, tambah siaran media

itu lagi yang mana kad-kad prabayar seperti kad telefon Economy Call Hallo Card dan Netkad dijual, orang ramai juga boleh membuat permohonan Kad Emas Panggilan Antarabangsa (GGCC) di kaunter tersebut.

Siaran itu menambah, sebuah Kaunter BruNet juga disediakan khusus bagi permohonan dan urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan BruNet. Pelanggan-pelanggan BruNet

boleh mendapatkan maklumat, membuat aduan dan juga mendapatkan bantuan teknikal.

Di samping itu, Primatel Communications juga menyediakan kaunter perkhidmatan e-speed yang mana orang ramai dapat mencuba sendiri beberapa pilihan kelajuan yang terdapat di dalam pakej perkhidmatan ini. Semua permohonan e-speed, kemusykilan dan aduan mengenai boleh dibuat di kaunter tersebut.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika melancarkan Pusat Urusniaga Jabatan Telekom Brunei. Majlis berlangsung di ruang legar Jabatan Telekom Brunei (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat menyaksikan kaunter-kaunter yang menyediakan kemudahan penghantaran faksimili, telegram dan panggilan IDD. - Gambar oleh Amat HM.



Hubungan Brunei - Bangladesh bertambah kukuh

BERAKAS, 28 Mac. - Kedutaan Besar Republik Rakyat Bangladesh yang beribu pejabat di negara ini telah mengadakan sambutan sempena Hari Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan Ke-30 yang berlangsung di Hotel Orchid Garden di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi mewakili Kerajaan Negara Brunei Darussalam ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Yang Berhormat dalam ucapannya mengucapkan tahniah sempena memperingati Hari

Oleh Abu Bakar HAR

Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan Republik Rakyat Bangladesh di samping berharap hubungan kedua-dua buah negara akan berterusan dan bertambah kukuh.

Tambah Yang Berhormat lagi, terdapat banyak bidang yang boleh diterokai bersama dalam usaha meningkatkan hubungan kedua-dua buah negara terutama persefahaman rakyat kedua-dua negara.

Majlis bermula dengan mengumandangkan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti dengan kemuncak acara iaitu memotong kek.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan Ke-30 Republik Rakyat Bangladesh di negara ini. Juga kelihatan ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke negara ini - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

TATACARA PEGAWAI PENGUATKUASA AKAN DITINGKATKAN

Oleh Samle HJ

PULAIE, 28, Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Kursus Ulangkaji Pegawai-pegawai Penguatkuasa Undang-undang bagi meningkatkan lagi keupayaan dan disiplin serta tatacara mereka bekerja.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain berkata, sering timbul isu mengenai penguatkuasaan bagi mencegah kemaksiatan di dada akhbar sejak akhir-akhir ini.

"Oleh itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengadakan Majlis Perjumpaan Muhibah dengan pengurus-pengurus perhotelan, apartmen dan rumah-rumah persinggahan bagi mendengar dan mendekati persoalan yang timbul," jelas Yang Berhormat ketika melancarkan Majlis Per-

jumpan Tahun Awal Hijrah atau PETAH di Pusat Da'wah Islamiyah, di sini.

Menurut Yang Berhormat, surat-surat khabar dan berita-berita juga sering mendedahkan dan menyiarkan mengenai masalah kawalan ke atas daging.

Yang Berhormat menambah, pihaknya tidak berniat untuk mengacau sesiapa pun tetapi adalah bagi memelihara orang-orang Islam di negara ini, supaya daging-daging yang dibekalkan kepada mereka itu adalah daging-daging yang terjamin kehalalannya, menurut undang-undang dan peraturan.

"Satu isu yang berat melanda negara sejak akhir-akhir ini ialah mengenai dengan akidah," kata Yang Berhormat. Selanjutnya Yang Berhormat berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bagi mengingatkan supaya orang-orang Islam akan sentiasa teguh memelihara akidah mereka dan jangan sekali-kali terpengaruh dengan anasir-anasir yang memesonkan kita.

Majlis PETAH sempena Awal Tahun Hijrah merupakan projek julung kali diadakan dan dijangka akan dijadikan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PETAH dihasratkan bagi memberikan nasihat, teguran dan saranan bagi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sempena perasmian PETAH, satu pameran mengenai perkembangan dan kemajuan Kementerian Hal Ehwal Ugama diadakan selama dua minggu.

Pameran itu juga dihasratkan bagi mendedahkan kekurangan-kekurangan dan kelemahan untuk dipelajari, selain akan menjadi daya usaha lebih giat bagi memberikan sumbangan yang bererti kepada bangsa dan negara menurut ajaran-ajaran Islam.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika menyaksikan pameran mengenai perkembangan dan kemajuan Kementerian Hal Ehwal Ugama sejurus merasmikan PETAH. Majlis berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah. - Gambar oleh Amat HM.

Bengkel Fotografi bagi mengisi cuti persekolahan

BERAKAS. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan akan mengadakan Bengkel Fotografi bagi penuntut-penuntut menengah bawah sebagai salah satu aktiviti mengisi cuti penggal persekolahan mereka.

Bengkel lima hari yang akan dikendalikan oleh Bahagian Fotografi, Jabatan Penerangan dan dihadiri oleh lebih kurang 30 orang penuntut tingkatan satu hingga tiga dari sekolah-sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan Daerah Brunei dan Muara itu juga menerima sumbangan dari DST Communications Sendirian Berhad dan Jasra Harisson Sendirian Berhad.

Pembukaan rasmi bengkel yang akan bermula pada 7 April, 2001 itu akan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Antara tujuan bengkel itu diadakan ialah untuk memberikan pendedahan

dan pengajaran kreatif di bidang fotografi kepada para peserta dan hasil daripada gambar-gambar sepanjang bengkel, akan dapat dipamerkan bagi mendukung hasrat kerajaan dalam sama-sama menjayakan Tahun Melawat Brunei 2001.

Di peringkat awal bengkel itu nanti, para peserta akan diberikan tunjuk ajar mengenai aspek-aspek teknikal fotografi seperti peranan aperture, shutter speed, penggunaan filem dan ASA, kaedah penggunaan lampu flash yang betul serta penggunaan kamera digital selain aspek penggambaran kreatif di lokasi-lokasi tertentu.

Para peserta juga akan dibawa ke lokasi termasuk Kampong Ayer, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Bukit Shahbandar, Jerudong Park, Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, kawasan Tamu Sungai Kianggeh, penggambaran permainan gasing dan tarian tradisional.

Lapan anak damit terima sumbangan Hijrah

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mac. - Negara Brunei Darussalam akan terus menyambut hari-hari kebesaran Islam dengan mengadakan acara-acara keagamaan.

Selain acara-acara yang diadakan di masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat yang dianjurkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, beberapa aktiviti sampingan juga diadakan.

Salah satu aktiviti sampingan yang mula dianjurkan sempena menyambut kedatangan Awal Hijrah 1422 ialah pemberian hadiah-hadiah kepada anak-anak baru lahir di seluruh daerah.

Bagi peringkat Daerah Brunei dan Muara, seramai lapan orang anak damit iaitu empat lelaki dan empat perempuan telah dilahirkan bermula menjelang 1 Muharam bersamaan dengan 25 Mac iaitu daripada masuk matahari hingga terbenam matahari keesokan harinya. Tujuh daripada anak damit berkenaan dilahirkan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan seorang lagi dilahirkan di rumah kediaman persendirian.

Hadir bagi menyempurnakan hadiah-hadiah kepada anak-anak damit yang baru dilahirkan bagi peringkat Daerah Brunei dan Muara ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Sumbangan yang diberikan berbentuk hadiah hampers dari Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi kegunaan setiap anak

**Oleh
Siti Muslihat HS**

damit berserta sumbangan daripada tiga institusi perbankan tempatan di negara ini iaitu Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Islam Brunei (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB).

Perbadanan TAIB memberikan sumbangan berbentuk Perlindungan Pelan Takaful Keluarga untuk pendidikan dengan jumlah \$15.00 sebulan iaitu jumlah keseluruhan \$1,800.00 bagi tempoh sepuluh tahun di Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad.

IBB pula menyumbang akaun simpanan kanak-kanak Al-Wadiah, sementara IDBB menyumbangkan sejumlah \$500.00 bagi akaun simpanan kanak-kanak Al-Wadiah berserta Perlindungan Pelan Takaful Keluarga bagi pendidikan, juga bagi tempoh 10 tahun.

Anak pertama yang dilahirkan pada 1 Muharam ialah anak kepada pasangan suami isteri Awang Mohd. Saberuddin bin Abdul Rahman dan Dayang Rosmah binti Haji Laini yang berasal dari Kampong Beribi.

Anak damit tersebut yang diberi nama Siti Nurulhuda Amal Fatin Nurhijrah dilahirkan pada jam 6.47 petang seberat 3.990 kilogram.

Sementara itu anak yang terakhir dilahirkan sebelum terbenam matahari pada 1 Muharam ialah seorang anak lelaki kepada pasangan suami isteri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ohsang dan Dayang Jaitunah binti Haji

**SUMBANGAN
seperti ini akan
dijadikan projek
tahunan
Kementerian Hal
Ehwal Ugama
dengan
kerjasama
Kementerian
Kesihatan dan
Pejabat Daerah.**

Tuah yang lahir pada jam 5.15 petang seberat 2.660 kilogram.

Sumbangan seperti ini akan dijadikan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Pejabat Daerah.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menyampaikan hadiah kepada anak pasangan Mohd. Saberuddin bin Abdul Rahman dan Dayang Rosmah binti Haji Laini, iaitu pasangan suami isteri pertama yang menerima kedatangan ahli keluarga baru sempena Awal Muharam 1422. - Gambar oleh Masri Osman.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menyampaikan hadiah yang berbentuk hampers dan Perlindungan Pelan Takaful dari TAIB, Simpanan Al-Wadiah dari IDBB dan Akaun Simpanan dari IBB kepada ibu bapa anak damit yang lahir pada Awal Tahun Baru Hijrah 1422. Majlis berlangsung di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. - Gambar oleh Masri Osman.

BERAKAS, 29 Mac. - Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Yusof bin Abu Bakar berkata, doa dalam kehidupan seharian kita adalah begitu penting dan ianya tidak boleh dipisahkan setiap masa dan waktu.

Malah jelasnya, dalam membuat kerja-kerja yang ringan pun kita dituntut untuk berdoa termasuk ketika hendak memandu, memasuki bilik air dan juga hendak tidur dan sebagainya.

"Sebagai orang Islam, kita sebenarnya berdoa tidak kurang 17 kali dalam sehari, termasuk semasa menunaikan sembahyang fardu di mana setiap rakaat kita telah memanjatkan doa kepada Allah iaitu semasa kita membaca Surah Al-Faatihah," tegasnya di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Khas Membaca Doa Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Daerah Brunei dan Muara yang diadakan di Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop di sini.

Menurutnya lagi, memandangkan kedudukan doa itu begitu penting dalam kehidupan kita, maka kita seharusnya menjaga tata tertib semasa berdoa dengan mengambil perhatian yang berat kepada sebutan-sebutan mahraj huruf, memelihara baris-baris huruf supaya tidak bertukar dari segi maknanya.

Beliau yang juga menyempurnakan penyampaian sijil-sijil



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Yusof bin Abu Bakar ketika menyampaikan sijil kepada peserta Kursus Khas Membaca Doa Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Daerah Brunei dan Muara (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian daripada peserta kursus yang hadir di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang berlangsung di Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop. - Gambar oleh Amat HM.

Jaga tata tertib semasa berdoa

kepada peserta kursus mengingatkan supaya dapat memelihara dari segi pemakanan, kerana mengambil makanan yang subabah apatah lagi yang tidak halal akan menjadikan doa kita tidak diterima oleh Allah.

Pengerusi bersama kursus,

Oleh Haji Ahmad HS

Imam Masjid Mohammad Bolkiah, Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak menjelaskan mengenai tujuan kursus di-

adakan adalah untuk memberikan ilmu penerangan, iaitu mengenai cara-cara berdoa dengan betul serta dapat memahami maksud doa itu sendiri.

Di samping itu juga, untuk memberikan latihan kepada peserta membaca doa secara prak-

tikal khasnya doa-doa majlis dan untuk menyediakan pembaca-pembaca doa majlis rasmi yang diadakan oleh jabatan atau kementerian masing-masing.

Seramai 23 orang peserta yang mewakili jabatan dan kementerian kerajaan menghadiri kursus selama empat hari itu. Sepanjang kursus itu, mereka telah didedahkan pelbagai tajuk pelajaran iaitu pengertian doa itu sendiri, faedah berdoa, adab-adab semasa berdoa dan syarat doa yang dikabulkan.

Di samping itu, para peserta juga diberikan tunjuk ajar dan latihan bagaimana cara membaca doa seperti Doa Peliharakan Sultan, Doa Selamat, Doa Selamat Mesyuarat, Doa Selamat Menuaikan Haji dan Balik Haji dan Doa Tolak Bala.

Kursus Khas Membaca Doa bagi pegawai-pegawai kerajaan adalah anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid (Bahagian Takmir) Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Bakli Hijrah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Osman (atas) dan kepada Awang Haji Juned bin Penyurat Pali (kanan).



SAMBUTAN TAHUN BARU HIJRI 1422 PERINGKAT KEBANGSAAN

Gambar-gambar oleh jurugambar Jabatan Penerangan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah umat Islam yang hadir di Majlis Sambutan Tahun Baru Hijrah 1422 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika menyebarkan ucapan alu-aluan di majlis itu (atas). Sementara gambar kanan, doa selamat telah dibacakan oleh Mufli Kerajaan, Yang Dimulakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid merancang 51 aktiviti takmir yang dikendalikan oleh Bahagian Takmir/Daerah Masjid-masjid, Surau dan Balai Ibadat seluruh negara sepanjang bulan Januari lalu sehingga Disember tahun 2001 ini.

Aktiviti-aktiviti itu meliputi kegiatan harian, mingguan, bermusim serta berkala yang melibatkan semua golongan usia dalam usaha jabatan berkenaan memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai terutama para imam, ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta mendidik kepada pertumbuhan mental, fizikal dan rohani masyarakat sekeliling.

Kegiatan-kegiatan yang dirancang itu diharap akan dapat meneruskan lagi peranan masjid bagi menjadikannya sebagai pusat kebajikan, persaudaraan, pengenalan dan penghubung masalah.

Tahun lalu Jabatan Hal Ehwal Masjid menerima sambutan yang membanggakan hasil program-program terancang dan tersusun sehingga mencatatkan 216,126 kehadiran orang ramai yang terdiri daripada jemaah kanak-kanak, belia dan dewasa menyertai pelbagai aktiviti berbanding 101,692 orang pada tahun 1999.

Program aktiviti Takmir Masjid tahun 2001 pula dijangka akan terus berupaya menarik lebih ramai penyertaan orang ramai melalui siri-siri kursus; pertemuan belia; forum dan bengkel agama dan ceramah-ceramah motivasi.

Antara kursus yang disasarkan kepada golongan belia serta kakitangan jabatan kerajaan termasuk kursus-kursus fardu ain, kifayah, keluarga bahagia dan penguatkuasaan akidah.

Daripada sambutan yang sangat menggalakkan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mencatatkan peningkatan jumlah kehadiran jemaah dan orang ramai menghadiri serta menyertai kegiatan-kegiatan di masjid-masjid seluruh negara sejak dua tahun kebelakangan (1999-2000).


Sejumlah 40,336 orang telah dicatatkan pada tahun 2000 berbanding 31,393 orang (1999) hadir menyertai kegiatan-kegiatan harian dan mingguan iaitu kelas Al-Quran, Kuliah Agama, Kuliah Subuh dan Ratih Al-Attas.

Menerusi aktiviti berkala juga dilaporkan meningkat ke-

OLEH
AHMAD TARMIZIE

pada 71,651 orang (tahun 2000) yang menyertai bengkel-bengkel, kursus, ceramah motivasi keluarga, Perkampungan Belia, Kem Motivasi Belia, halaqah belia, kelas tambahan, kelas komputer belia, qiamullail serta melalui aktiviti Minal Masjid Ilaal Masjid.

Aktiviti sempena hari kebesaran Islam dan negara seperti ceramah umum, forum-forum dan peraduan-peraduan telah dicatatkan sejumlah 71,651 orang pada tahun 2000 ber-



MAJLIS-MAJLIS kebesaran Islam semakin mendapat perhatian di kalangan orang ramai sekali gus menyemarakkan lagi suasana masjid. Gambar atas memperlihatkan orang ramai tekun mendengar ceramah agama di Jame' 'Asr Hassanil Bolikiah.

AKTIVITI TAKMIR MASJID TERUS DAPAT SAMBUTAN

banding hanya 49,600 orang pada tahun 2001.

Sementara itu, penubuhan Kumpulan Belia Masjid (KBM)

merupakan salah satu daripada dasar penting yang menjadi sasaran dan matlamat Kementerian Hal Ehwal Ugama seba-

gai langkah memperkuat lagi kehidupan beragama di kalangan umat Islam di negara ini.

KBM yang diperkenalkan itu adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat Islam yang berumur 12 hingga 25 tahun dan diharap dapat mengimbangi senario peredaran masa dan kemajuan dunia hari ini.

Penubuhannya dihasratkan bagi melahirkan generasi beriman, berakhlak dan berilmu dalam suasana dunia yang serba canggih dan mencabar di masa akan datang.

Kumpulan ini juga akan dapat memasyarakatkan mereka kepada masjid sebagai penghubung silaturahim dan menanam sifat persamaan dalam Islam selain bagi menerapkan dan memanfaatkan konsep dan asas pembinaan masjid itu sebagai takwa dalam kehidupan seharian.

Selain merancang program mingguan yang meliputi kelas-kelas Al-Quran, dikir dan hadrah belia, Program Perke-

mahan Belia Masjid, pertukaran belia masjid antara daerah dan program 'Minal Masjid Ilaal Masjid' antara program yang cukup menarik.

Melalui Kumpulan Belia Masjid, ahli akan mengikuti aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, bengkel ibadat, pendekatan Islam terhadap seni serta aktiviti-aktiviti kesusasteraan Islam.

Sementara program-program anak angkat, lawatan ke masjid-masjid dan seminar penguatkuasaan akidah adalah program yang terkandung dan pertukaran belia masjid antara daerah.

Aktiviti yang semakin mendapat sambutan ialah qiamullail, ceramah motivasi belia serta Kuliah Subuh.

Program-program yang tersusun ini sudah tentu akan dapat menarik perhatian lebih ramai orang terutamanya para belia untuk sama-sama menghadiri aktiviti-aktiviti yang disediakan sepanjang tahun ini.



Hari khas penjualan hasil-hasil pertanian tempatan

PASAR RABU DIADAKAN

GADONG, 24 Mac. - Jabatan Pertanian akan menubuhkan jawatankuasa bagi mengadakan 'PASAR RABU' iaitu cadangan bagi mengadakan satu hari khas penjualan hasil-hasil pertanian tempatan melibatkan industri tanaman dan ternakan.

Projek berkenaan dikendalikan oleh penduduk tempatan yang terlibat dalam projek kemajuan pertanian yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian.

Cadangan tersebut disambut baik dengan fikiran, perancangan dan pengurusan yang positif bagi semua yang terlibat dengannya, jelas Pengarah Pertanian, Pengiran Haji Hassan di Majlis Perasmian Mini Promosi Hasil-hasil Tanaman Bagi Ladang-ladang Projek Kemajuan Pertanian berlangsung di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba di sini.

Menurut Pengarah Pertanian, pada masa ini Jabatan Pertanian sedang memilih tapak yang bersesuaian bagi jangka pendek dan jangka panjang, yang tentunya mempunyai syarat tertentu dan dijalankan secara berbayar.

Pelbagai cara mempromosikan hasil-hasil tanaman tempatan pada hari-hari berikut akan terus dipermajukan dengan lima perkara penting yang sudah diambil perhatian oleh pengusaha-pengusaha tempatan, jelasnya.

Lima perkara yang penting itu ialah pengeluaran yang berterusan, hasil yang banyak dengan pengeluaran, produk hortikultur bermutu dengan konsep, harga yang bersaing dan jaminan kebersihan dan keselamatan, katanya.

Pengarah Pertanian menaruh harapan kepada pengusaha-pengusaha yang sudah berjaya dan

Oleh Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh Masri Osman

akan berkecimpung dalam perusahaan pertanian, supaya tidak akan mengabaikan usaha Jabatan Pertanian dan mengadakan promosi-promosi pertanian, hari terbuka ladang, ekspo pertanian dan pesta hortikultur di masa akan datang.

"Memandang jauh ke hadapan, Jabatan Pertanian sepanjang tahun 2000 dan 2001 ini telah pun meneliti ladang-ladang di Projek Kemajuan Pertanian di seluruh negara bagi memberikan pengiktirafan ladang-ladang tempatan yang layak menerima pengiktirafan ladang melalui Skim Pensijilan Ladang Sayur (VCS). Pensijilan ini akan disatukan juga bagi buah-buahan yang dihasilkan dalam negara nanti," ujarnya.

Mengenai pencemaran sisa kimia pertanian terhadap makanan/hasil pertanian segar di negara ini, Pengarah Pertanian menjelaskan ianya adalah



PENGARAH Pertanian, Pengiran Haji Hassan ketika merasmikan Mini Promosi Hasil-hasil Tanaman Bagi Ladang-ladang Projek Kemajuan Pertanian yang berlangsung di Pusat Hortikultur Rimba, Gedong.

dalam keadaan terkawal.

Pemantauan akan diteruskan dari masa ke masa di mana jika berlaku pencemaran daripada hasil pertanian, ladang yang terlibat akan dikenakan denda selayaknya mengikut Akta Racun, jelasnya.

Majlis kemudian diikuti dengan Penyampaian Sijil Penyerahan kepada 36 orang pemilik gerai jualan yang menyertai Mini Promosi Hasil-hasil Pertanian anjuran Jabatan Pertanian oleh Pengarah Pertanian, Pengiran Haji Hassan.

Pengarah Pertanian dan para jemputan seterusnya dipersilakan untuk menyaksikan hasil-hasil yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan yang dipamerkan di gerai masing-masing.

PENGARAH Pertanian menaruh harapan kepada pengusaha-pengusaha yang sudah berjaya dan akan berkecimpung dalam perusahaan pertanian, supaya tidak akan mengabaikan usaha Jabatan Pertanian dan mengadakan promosi-promosi pertanian, hari terbuka ladang, ekspo pertanian dan pesta hortikultur di masa akan datang.

Antara pameran gerai tersebut ialah buah-buahan bermusim tropika tempatan, sayur-sayuran tropika, bunga orkid dan pokok bonsai, makanan dari industri tanaman yang diproses, bahan import ladang, hasil tempatan serta bahan tanaman dan SMS Corner (Sudut Pakar).

Bagi memeriahkan lagi mini promosi ini, beberapa kegiatan melibatkan pertandingan meneka buah dan sayur untuk para pengunjung dan peraduan mewarna bagi kanak-kanak sehingga umur 12 tahun juga diadakan.

Mini promosi hasil-hasil tanaman dijalankan selama dua hari atas anjuran Jabatan Pertanian dengan tujuan bagi mempromosikan pengeluaran hasil-hasil tanaman ladang mereka berjaya maju secara berterusan.

Di samping itu, ianya bertujuan untuk menggalakkan orang ramai supaya membeli hasil-hasil ladang tempatan di samping dapat mengetahui ladang-ladang yang boleh membekalkan sebahagian daripada keperluan buah dan sayur tropika tempatan.

Sehubungan dengan itu, melalui 'match-making' bersama pengimport buah dan sayur tropika, pengurus-pengurus restoran, gedung/pasar raya dan pengurus perhotelan akan dapat mendukung supaya menggunakan hasil-hasil buah dan sayur tempatan. Ini dikuatkan lagi bagi sama-sama mendukung Tahun Melawat Brunei 2001.



PENGARAH Pertanian, Pengiran Haji Hassan menyaksikan hasil tanaman para pengusaha tempatan yang dipamerkan di majlis promosi itu (kiri). Sementara gambar kanan, Pengarah Pertanian menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang menyertai mini promosi tersebut.

MARILAH kita terus meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benarnya dengan cara menguatkan iman dan memperbanyakkan amal-amal salih serta menjauhkan diri dari mengerjakan segala maksiat dan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita selamat dan berbahagia di dunia dan di akhirat.

Hidup bermasyarakat amat penting dalam mengukuhkan perpaduan ke arah membina tamadun umat Islam yang kuat dan mantap, harmoni dan bersatu padu. Dengan kukuhnya ikatan kemasyarakatan tersebut, negara akan menjadi lebih maju dan makmur serta dapat mempertahankan kedaulatannya dari ancaman musuh-musuh Islam.

Menanamkan roh kemasyarakatan amat penting terutama kepada generasi muda kerana dari apa yang dapat dilihat pada masa kini, semangat tersebut sudah kian pudar dan ini menyebabkan amalan hidup nafsu-nafsi semakin menjadi pegangan hidup, masing-masing lebih suka hidup menyendiri tanpa menghiraukan orang yang ada di sekelilingnya. Walhal sebenarnya kehidupan cara sebeginilah yang bakal menghancurkan keamanan sesebuah negara iaitu apabila rakyat sudah tidak ada lagi sifat percaya-mempercayai dan berkasih sayang.

Salah satu cara untuk mengembalikan kekuatan perpaduan sesama kita umat Islam ialah dengan menghayati kembali konsep persaudaraan, persahabatan dan kejiranan sebagaimana yang telah digariskan dalam Al-Quran dan sunnah.

Antara masalah yang sering menjadi punca kegagalan untuk membentuk masyarakat yang teguh ialah perpaduan kejiranan yang semakin hambar dan dipandang remeh oleh sebilangan masyarakat. Kita tidak akan dapat lari daripada kehidupan berjiran, tidak kira di mana kita berada, di kota atau di desa. Sesungguhnya jiran juga memainkan peranan yang besar dalam kita menjalani kehidupan ini kerana selain dari saudara dan sahabat, maka jiranlah juga orang yang paling terdekat untuk kita meminta pertolongan.

Begitulah juga sebaliknya, jika jiran kita yang ditimpa bencana atau kesulitan, maka kita patut memberi pertolongan sama ada dari segi material ataupun hanya berbentuk nasihat, sokongan dan simpati. Dan jika mereka mendapat khabar gembira atau kejayaan, maka wajarlah kita mengucapkan tahniah dan syukur. Kita harus beringat bahawa kehidupan ini ibarat roda yang sentiasa bergilir-gilir untuk turun dan naik. Hari ini kita berada di

SALAH satu cara untuk mengembalikan kekuatan perpaduan sesama kita umat Islam ialah dengan menghayati kembali konsep persaudaraan, persahabatan dan kejiranan sebagaimana yang telah digariskan dalam Al-Quran dan sunnah.

HAYATI KONSEP PERSAUDARAAN, PERSAHABATAN DAN KEJIRANAN


dalam kesenangan dan dapat menghulurkan bantuan ke atas penderitaan orang lain, mungkin esok lusa pula giliran kita yang berada di bawah dan perlukan bantuan. Begitulah resam serta peraturan hidup yang mengajar kita supaya meninggikan nilai muafakat, persefahaman serta kasih sayang dalam kehidupan berjiran.

Dan sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama, kita bukan sahaja disaran untuk berbuat baik dan mesra dengan jiran yang seagama Islam sahaja, tetapi juga perlu kepada mereka yang bukan Islam dengan batas-batas yang tertentu. Ini kerana Islam adalah agama yang mementingkan perpaduan dan keamanan, malah dengan mempamerkan contoh sikap dan akhlak yang mulia kepada mereka, berkemungkinan boleh membuka hati mereka untuk mempelajari kesucian agama Islam.

Maka untuk mengelakkan perpecahan perpaduan masyarakat, Islam dengan tegasnya telah melarang kita dari menyakiti hati jiran, sama ada dari segi zahir mahupun batin. Antaranya ialah seperti mengambil atau meminjam sesuatu milik jiran tanpa izin mereka atau menyekat aliran air longkang atau membuang sampah di halaman rumah mereka dan sebagainya yang mana akibatnya nanti boleh membawa kepada perbalahan dan bermasam muka. Begitulah juga dengan perbuatan menghina atau mengata-ngata perihai peribadi jiran atau mempunyai perasaan cemburu, dengki, iri hati serta khianat sesama jiran yang sesungguhnya amat dibenci dalam Islam. Justeru itu terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Sebaik-baik mereka yang beriman ialah apabila orang lain selamat dari tindakan lidah dan tangannya."

Dalam keadaan pergolakan hidup yang maju ini, nampaknya diri kita semakin jauh daripada semangat muhibah atau jalinan perasaan kasih sayang, tidak seperti yang pernah berlaku dalam sejarah perkembangan Islam di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di antara Bani Ansar dan Muhajirin di Madinah. Pada waktu itu, nilai kekuatan serta hubungan persaudaraan Islam



amat teguh lagi kukuh, semua insan tidak mempunyai apa-apa perbezaan kecuali iman dan takwa.

Dari itu marilah kita semaiakan dan suburkan lagi semangat perpaduan dan kasih sayang sesama kita, semoga dengan itu kita akan dapat menikmati kehidupan ini dengan lebih aman tenteram dan bahagia, dan di antara langkah untuk merealisasikan perpaduan tersebut, jangan kita mengambil sikap pentingkan diri sendiri, tiada sikap toleransi dan prihatin terhadap masyarakat sekeliling khasnya kepada jiran tetangga kita dan janganlah juga disebabkan kesibukan urusan duniawi, menjadi alasan untuk kita tidak mempunyai masa bertegur sapa, bantu-membantu dan bermesra dengan mereka. Sesungguhnya wujudnya perasaan muhibah dan ikatan perhubungan yang baik dengan jiran dapat mengukuhkan jalinan persaudaraan sesama Islam, seterusnya mewujudkan kesatuan hati yang dapat melahirkan perpaduan ummah yang teguh sehingga mampu untuk menjadi benteng dari ancaman musuh-musuh Islam yang sentiasa berusaha untuk melemahkan dan menghancurkan kita.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 36 yang tafsirannya:

"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua. Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga diri."

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
محرم 10	12.25	3.26	6.29	7.38	4.51	5.01	6.18	6.41	افريل 4
11	12.25	3.26	6.29	7.38	4.51	5.01	6.17	6.41	5
12	12.24	3.27	6.29	7.38	4.50	5.00	6.17	6.40	6
13	12.24	3.27	6.29	7.38	4.50	5.00	6.17	6.40	7
14	12.24	3.28	6.28	7.38	4.49	4.49	6.16	6.40	8
15	12.24	3.28	6.28	7.38	4.49	4.49	6.16	6.39	9
16	12.23	3.29	6.28	7.38	4.48	4.48	6.15	6.39	10

وقت 2 سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي، سمبھيغ فرض جمعة نسلورو نكارا بروني دارالسلام
دمولاي دري فوكل 12.45 تغاري.

Bolehkah Menghadiri Upacara Pengebumian Mayat Orang Bukan Islam?

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasabihie Waman Walaah.

AGAMA Islam sangat tegas dan keras dalam soal mempertahankan akidah Islamiah, namun ia juga amat berlembut dan toleran dalam perkara-perkara tertentu seperti soal sosial dan kemasyarakatan yang melibatkan bagaimana mengatur di antara orang Islam dengan orang yang bukan Islam selama mana hubungan itu tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal, lebih-lebih lagi tidak ada yang boleh menjejaskan atau merosakkan akidah orang Islam.

Berbuat baik dan berlaku adil kepada semua orang adalah salah satu prinsip Islam. Kerana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu diutus oleh Allah Taala bagi seluruh alam sebagai rahmat dan nikmat yang besar. Sesiapa yang beriman dan menurut syariat Islam yang disampaikan, selamatlah dia, dan sesiapa yang kafir ingkar, celakalah dia di dunia dan di akhirat, sebagaimana Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Dan tiadalah kami mengutus engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." (Surah Al-Anbiya': 107)

Begitu juga berbuat baik kepada orang yang bukan Islam tidak dilarang oleh Islam. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam firman-Nya yang tafsirnya:

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu daripada kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil." (Surah Al-Mumtahanah: 8)

Islam juga tidak melarang bermuamalah seperti berjual beli, saling berkunjung, menghormati mereka sebagai individu dalam batas pergaulan dan hubungan mengikut sukatan mujamalah asalkan bukan kerana memenuhi tuntutan acara keagamaan mereka atau lainnya yang bertentangan dengan syarak.

Pendeknya Islam juga tidak melarang menjalin hubungan silaturrahim dengan orang bukan Islam dalam batas yang diizinkan oleh syarak, apa lagi mereka itu keluarga terdekat se-

Bilangan 118 Bahagian Pertama

periti ibu bapa, adik, abang dan sebagainya. Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Daripada Asma' binti Abu Bakar Radiallahuanhuma, beliau berkata: Telah datang ibu-ku kepadaku di masa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sedangkan (ketika itu) dia masih musyrik (belum Islam). Maka aku meminta fatwa kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu aku berkata: Dia (ibuku) menginginkan sesuatu daripadaku, adakah aku menghubungkan silaturrahim kepadanya? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Ya, hubungkanlah silaturrahim dengannya." (Hadis riwayat Al-Bukhari)

Dalam hubungan ini jika berlaku kematian di kalangan mereka yang kafir zimmi, bagaimana sikap orang Islam mengenainya?

Perlu diketahui bahawa pada

dasarnya apabila berlaku kematian ke atas orang kafir zimmi adalah dituntut supaya mereka tidak menzahirkan penanaman mayat dan kematian mereka secara terang-terangan. (Al-Raudhah: 10/333)

MENGIRINGI MAYAT ORANG KAFIR KE KUBUR

Islam tidak melarang perkara takziah dengan menghadiri atau mengikuti mayat orang kafir ke tempat pengebumian, jika mayat itu terdiri daripada keluarga terdekat seperti isteri, jiran, teman rapat, maula dan hambanya. Keharusan menghadiri atau mengikuti mayat orang bukan Islam ini berdasarkan riwayat daripada Ali karramallahu wajhah di mana beliau memberitahu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa saudara Baginda yang sesat (belum menganut Islam) telah mati, lalu Baginda mengarahkan Ali untuk menghidirinya. (Qalyubi wa 'Umairah: 1/406 & Fath Al-'Allam: 3/280).

Menurut Kitab Fath Al-'Allam, jika mayat itu orang lain seperti bukan ahli kelu-

arganya maka hukumnya adalah haram. (Fath Al-'Allam: 3/280)

ADAB KETIKA MENZIARAH MAYAT ORANG KAFIR

Islam tidak melarang menghadiri pengebumian mayat orang kafir bahkan memberikan etika dan cara ketika menghadiri mayat tersebut.

Etika dan cara menghadiri mayat orang kafir dicatatkan dalam beberapa riwayat yang ada kaitan mengenainya, di antaranya yang maksudnya:

"Muhammad bin Al-Hassan bin Harun berkata: Abu Abdullah ditanya: Dan adakah dia boleh menghadiri mayatnya? Beliau menjawab: Ya, boleh sebagaimana yang dilakukan oleh Al-Harith bin Abu Ruba'ah di mana dia menghadiri mayat ibunya dan dia hanya berada di tepi dan tidak berada di dekat mayat kerana mayat itu dilaknat."

DALAM SEBUAH RIWAYAT YANG LAIN

Yang maksudnya:

"Daripada Abdullah bin Ka'ab bin Malik daripada ba-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

panya: "Qais bin Syammas datang menemui Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, katanya lagi: Ibunya kebetulan mati sebagai seorang Kristian dan dia ingin menghadiri mayatnya, maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepadanya: Naiki kenderaanmu dan berjalanlah di hadapan mayatnya, kerana apabila engkau menunggang dan engkau berada di hadapannya maka engkau tidak dikira bersamanya." (Hadis riwayat Ad-Daruqutni: 2/75-76)

Berdasarkan riwayat di atas, keharusan menghadiri dan mengucapkan takziah di dalam majlis yang ada padanya mayat orang kafir hanyalah sekadar menunjukkan simpati saja dan tidak terlalu dekat dengan mayat, manakala ketika membawa-

nya ke tempat pengebumian pula, maka bersedialah di hadapan mayat, bukan di arah belakang.

Simpati (takziah) yang ditunjukkan itu hanya sekadar mujamalah saja dan kehadiran itu pula tidak sekali-kali dikaitkan dengan agama dan akidah. Dengan lain perkataan kehadiran itu bukan kerana mengikut acara keagamaan mereka.

Dengan yang demikian bertakziah dengan menghadiri mayat orang kafir daripada kalangan keluarga atau teman rapat dalam batas-batas yang tidak termasuk dalam acara keagamaan mereka adalah diharuskan.

Bersambung

MENGHUBUNGAN dan mengukuhkan silaturrahim amatlah dituntut di dalam Islam. Jadinya kita sebagai umat Islam mestilah menjaga kestabilan dan kekukuhan hubungan persaudaraan kerana usaha seperti itu sudah tentu mendatangkan keberkatan dalam kehidupan dan menjadikan jalinan persaudaraan yang tidak akan mudah putus. Selain itu, akan menjadikan umat Islam lebih kuat dan disegani oleh kalangan manusia sedunia.

Kebaikan menghubungkan silaturrahim telah dijelaskan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu daripada Anas bin Malik radiallahuanhu katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Siapa yang menyukai supaya dilapangkan rezekinya dan lama jejak peninggalan hidupnya, maka hendaklah dia memperhubungkan silaturrahim."

Jelas hadis tersebut memberikan keterangan yang cukup untuk kita patuhi dan ikuti kerana kelebihan dan faidat memperhubungkan silaturrahim dengan baik, seseorang hamba Allah itu akan mendapat imbalan (balasan) yang baik iaitu rezekinya luas dan umurnya panjang.

Dalam hal ini, jalan yang sepatutnya untuk membolehkan kita bersilaturrahim dengan baik adalah dengan cara persahabatan dan memiliki rasa kasih sayang dalam persaudaraan dan dengannya terwujudnya perdamaian. Yang penting, jauhi sifat-sifat tercela tumbuh dan berakar umbi di hati serta hindarkan daripada perangai dendam-mendendam dan khianat-mengkhianati. Bahkan jauhi dari kejahatan sangka yang boleh menimbulkan permusuhan. Sebagaimana sabda penegekan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam hadisnya, iaitu daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bermaksud: "Jauhi olehmu jahat sangka, kerana sangka jahat itu berita yang sangat bohong. Janganlah kamu mencari-cari dan menyelidiki kesalahan orang lain. Jangan iri hati, jangan dengki-mendengki, jangan benci-membenci, jangan bermusuhan-musuhan dan hendaklah kamu menjadi hamba Allah yang bersaudara."

Memutuskan hubungan persaudaraan bukanlah anjuran Islam tetapi ianya amat bertentangan dengan kehendak agama Islam yang sebenarnya. Islam menyuruh umatnya menegakkan, mengeratkan, saling menghubungkan tali silaturrahim yang mesra lagi padu dengan jalan berbaik-baik, bertolong-tolongan dalam hal suka duka di samping memupuk rasa muhibah di antara satu dengan yang lain dengan cara-cara dan sempadan yang direndai oleh Allah Subhanahu Wataala.

Bila hubungan persaudaraan dijaga dengan baik, tentunya akan

Mengukuhkan silaturrahim tuntutan Islam

منوجوكر رمضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

dapat mencerminkan keperibadian umat Islam yang sempurna. Apatah lagi bila diamati-amati memangnya pendirian dan kehidupan umat Islam bagaikan satu pusat iaitu tidak ubah seperti 'isi dengan kuku', malah bila mendapat kesusahan akan mudah terasa, ibarat cubit peha kanan, peha kiri pasti akan terasa sakit. Semangat keprihatinan dan kasih sayang sememangnya lahir dari awal lagi sejak Hawa dan Adam yang sentiasa setia dan bersatu hati. Betapa kita umat Islam di zaman ini amat rugi dengan kelalaian dunia sehingga silaturrahim yang patut dititikberatkan terabai begitu saja. Dari sebab itu makanya Islam melarang umat Islam berpecah belah, bahkan tabiat memutuskan silaturrahim dianggap suatu perbuatan yang merosakkan persaudaraan dan dilarang dalam Islam. Memutuskan hubungan persaudaraan adalah perbuatan yang boleh membahayakan dan merugikan kehidupan bukan saja di dunia juga di akhirat. Dari sebab itulah bagi mereka yang merosakkan dan memutuskan silaturrahim tidak akan masuk Syurga. Perkara tersebut ada dinyatakan di dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi iaitu daripada Jubir bin Muth'im Radiallahuanhu daripada bapanya yang bermaksud: "Tiada akan masuk ke dalam Syurga orang yang memutuskan silaturrahim."

Sehubungan dengan kenyataan di atas itulah Islam melarang keras sesama Islam 'berputus arang' dalam pertalian persaudaraan dan tidak diizinkan bagi umat Islam memutuskan silaturrahim (hubungan persaudaraan) lebih daripada tiga hari seperti yang diterangkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Anas bin Malek radiallahuanhu yang bermaksud:

"Janganlah kamu kebencian-bencian, janganlah kamu berdengki-dengki, janganlah kamu bermusuhan-musuhan, dan hendaklah kamu menjadi hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seorang Muslim memutuskan hubungan dengan saudaranya, lebih dari tiga hari."

Untuk mengelakkan permusuhan sesama Islam hendaklah di antara kedua pihak menjauhi daripada sifat-sifat yang tidak diinginkan oleh agama Islam seperti sifat keras hati, sombong diri dan seumpamanya. Bila terjadi gara-gara perselisihan (kurang bersefahaman), tekas-lekaslah berbaik-baik dan jangan hendaknya bila bertemu saling berpaling muka atau belakang-membelakangi di antara yang berselisihan kerana sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyatakan bahawa tindakan yang paling baik sekali adalah mereka yang sedar terlebih dahulu bertegur sapa. Masalah seumpama ini begitu dipentingkan dan diulang lagi dalam hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam melalui riwayat yang lain iaitu daripada Abu Ayyub Al-Ansari Radiallahuanhu bermaksud: "Tidak halal bagi seorang Muslim, memutuskan hubungan dengan saudaranya, lebih dari tiga malam: Keduanya bertemu, orang ini membelakangi dan orang itu juga membelakangi. Dan yang paling baik ialah yang lebih dahulu memberi salam (kepada kawannya)."

Jadi nyatalah hakikatnya bahawa menghubungkan tali silaturrahim amat dianjurkan di dalam Islam dan Allah Subhanahu Wataala amat suka kepada hamba-Nya yang takwa dan beriman dan saling mengukuhkan hubungan persaudaraan.

Bersedia sumbangkan bakti

KIARONG, 26 Mac. - Ketiga-tiga tokoh yang dikurniakan Anugerah Tokoh Bakti Hijrah 1422 melahirkan perasaan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan menganggap pengiktirafan tersebut merupakan penghargaan yang amat bermakna dan tinggi nilainya dan mereka berazam untuk menabur bakti selagi dikehendaki.

Pendekatan wakil PELITA BRUNEI dengan penerima anugerah pertama Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman berkata, selagi ada hayat, insya-Allah apa juga perkara yang berkebahjikan untuk Negara Brunei Darussalam ini beliau bersedia untuk menyumbangkan bakti selagi dikehendaki.

Menyentuh dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Awal Tahun Baru Hijrah 1422, Yang Amat Mulia menegaskan titah tersebut patut dijunjung dengan setingginya dan ditaati yang bukan saja kepada orang tua-tua tetapi juga kepada orang-orang muda dan ianya bukan hanya setakat untuk didengar.

"Kanak-kanak yang ada sekarang ini mestilah dididik dengan perasaan taat kepada undang-undang negara walaupun pada masa ini ada segolongan pemuda yang tergelincir, dan beliau berharap dengan adanya titah tersebut akan menaikkan semangat dalam menyemarakkan syiar Islam di negara ini," jelas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia yang berusia 78 tahun merupakan seorang tokoh yang terlibat dalam upacara bersejarah bagi perpindahan Masjid Kajang ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan seterusnya diberi penghormatan untuk membawa naskhah Al-Quran bagi mengepalai upacara tersebut.

Tokoh yang berasal dari Kampong Pekan Lama ini merupakan salah seorang tokoh pemikir yang utama mencadangkan supaya pelajaran agama Islam diajarkan di sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris di negara ini iaitu sebelum tertubuhnya sekolah-sekolah agama secara bersistematis pada tahun 1956.

Manakala penerima Anugerah Tokoh Bakti Hijrah kedua, Awang Haji Junid bin Penyurat Pali telah menceritakan antara pengalaman sewaktu bertugas di salah sebuah tempat di Daerah Tutong, di mana beliau terpaksa menghadapi pelbagai cabaran serta kesulitan seperti hujan dan banjir yang menyebabkan beliau terpaksa menggunakan perahu untuk sampai ke tempat yang dituju.

Tokoh ini berumur 77 tahun, dan telah berkhidmat dengan kerajaan selama 37 tahun. Tokoh yang berasal dari Kampong Penapar, Tutong ini telah banyak menyumbang bakti dalam perkembangan agama Islam di negara ini terutama dari segi pelajaran agama.

Berkhidmat semenjak tahun 1959 hingga 1996, beliau pernah bertugas antaranya sebagai guru agama pelatih, guru agama terlatih dan guru besar di beberapa buah sekolah agama di negara ini termasuk ke kawasan pedalaman.

Sebagai pengiktirafan kepada ketokohan dan sahsiah beliau yang boleh dicontohi, pada tahun 1996 Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memilih beliau sebagai penerima Tokoh Usrah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1416 Hijrah.

Sementara itu penerima Anugerah Tokoh Bakti Hijrah ketiga, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mat Yassin bin Awang Damit, pengalaman bertugas di Masjid Sultan Omar 'Ali

OLEH ABU BAKAR HAR
GAMBAR-GAMBAR
OLEH RAMLI TENGAH

Saifuddin selama 25 tahun telah menimba banyak pengalaman.

Tokoh yang berasal dari Kampong Setia Pahlawan Lama ini dilahirkan pada 7 Ogos, 1934. Secara rasminya tokoh ini melibatkan diri dan turut serta dalam majlis-majlis keagamaan dan majlis adat beristiadat yang diadakan sama ada di peringkat istana, negara, daerah dan kampung.

Beliau selaku orang yang dituakan sering diberi kepercayaan dan tugas bagi mengiringi keberangkatan kerabat-kerabat diraja ke luar



AWANG Haji Junid bin Penyurat Pali banyak menyumbang bakti dalam perkembangan agama Islam di negara ini terutama dari segi pelajaran agama.

"KANAK-KANAK yang ada sekarang ini mestilah dididik dengan perasaan taat kepada undang-undang negara walaupun pada masa ini ada segolongan pemuda yang tergelincir, dan beliau berharap dengan adanya titah tersebut akan menaikkan semangat dalam menyemarakkan syiar Islam di negara ini,"
jelas Yang Amat Mulia.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman menerima Anugerah Tokoh Bakti Hijrah yang pernah mencadangkan supaya pelajaran agama Islam diajarkan di sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris.

negeri.

Beliau yang sentiasa bersedia menabur bakti bagi mengajar pelajaran mukaddam dan Al-Quran kepada kanak-kanak dan orang dewasa di beberapa buah masjid termasuk Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Masjid Al-Muhtadee Billah.

Antara pengalaman yang dapat diceritakan bersama Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib menjelaskan antaranya dapat mengatasi bagaimana bekerjasama dengan belia-belie pada masa itu dengan pegawai-pegawai masjid di samping berjaya mengajak mereka untuk sembahyang berjemaah.

"Pendapatan saya masa dulu banyak pelajaran dan pengislaman antaranya berdikir Syarafil Anam bersama jemaah masjid dan mengajar kanak-kanak belajar mukaddam dan



YANG Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mat Yassin bin Awang Damit sentiasa mengajar mukaddam dan Al-Quran kepada kanak-kanak dan orang dewasa di beberapa buah masjid.

Al-Quran dalam masa 1 hingga 2 jam," tambah Yang Dimuliakan.

Nasihat beliau kepada pegawai-pegawai masjid yang baru supaya dapat memata-matai para belia yang datang ke masjid dengan layanan yang lembut dan tolak ansur terutama dalam menjinak-jinakkan mereka dengan masjid, dan memakmurkannya, di samping menyambut para pelancong yang melawat dengan ramah dan mesra serta toleransi.

NASIHAT beliau kepada pegawai-pegawai masjid yang baru supaya dapat memata-matai para belia yang datang ke masjid dengan layanan yang lembut dan tolak ansur terutama dalam menjinak-jinakkan mereka dengan masjid, dan memakmurkannya, di samping menyambut para pelancong yang melawat dengan ramah dan mesra serta toleransi.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Maju Bangsa Sejahtera Negara Berlandaskan Ajaran Islam.' Tarikh tutup 7 April, 2001.
2. 'Mengekalkan Permainan Tradisi Orang-orang Brunei.' Tarikh tutup 14 April, 2001.
3. 'Kegiatan Pasukan Beruniform Di Sekolah-sekolah Bina Ketrampilan Seorang Pelajar'. Tarikh tutup 21 April, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm> email:
pelita@brunet.bn

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "Masalah Pengangguran - Di Mana dan Apa Silapnya". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Rebut apa saja peluang pekerjaan

DEWASA ini, masalah pengangguran tidak lagi dapat dianggap sebagai satu fenomena baru atau masalah yang boleh dianggap ringan dan remeh-temeh. Ianya kini telah menjadi satu isu yang cukup hangat diperkatakan. Bahkan fenomena pengangguran terutamanya di kalangan para remaja juga boleh dikatakan sebagai satu masalah global. Di sana sini sibuk memperkatakan dan mencari jalan penyelesaian akan masalah ini. Baik di kawasan negara membangun atau maju sekalipun masalah sebegini tetap wujud.

Persoalannya sekarang mengapakah pengangguran terutamanya di kalangan para remaja ini boleh terjadi? Dan apakah pula kesan pengangguran yang kronik atau serius terhadap sesebuah negara?

Di antara sebab yang sering dijadikan alasan oleh remaja kitani pada masa ini akan mengapa mereka tidak keluar bekerja ialah kerana tiadanya jawatan kosong. Alasan sebegini sememangnya langsung

tidak boleh diterima. Ini adalah kerana setiap hari hampir berpuluh-puluh jawatan kosong diiklankan di media massa terutamanya media cetak. Misalnya akhbar-akhbar digunakan sebagai medium penghantaran maklumat kepada orang ramai. Di dalamnya memuatkan ruangan bagi mengiklankan jawatan-jawatan kosong yang terdapat sama ada di jabatan-jabatan kerajaan mahupun swasta. Para remaja hanya perlu tinggal memilih dan memohon jawatan yang diminati yang memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi jawatan yang dipohonkan. Jadi kini jelas alasan tiadanya jawatan kosong langsung tidak konkrit.

Sebenarnya bukan kerana tiadanya jawatan kosong tetapi sikap memilih pekerjaan adalah punca utama berlakunya masalah sebegini. Remaja haruslah diberikan didikan dan perancangan untuk mereka terus berani tampil ke hadapan untuk menceburi diri dalam

bidang atau alam pekerjaan. Bagi remaja yang menunggu jawapan temu duga atau keputusan peperiksaan. Mereka boleh mengisikan masa lapang mereka yang ada itu dengan membuat sesuatu yang boleh mendatangkan hasil. Sebagai contoh, mencari pekerjaan sementara di kedai-kedai ataupun berniaga sendiri secara kecil-kecilan. Ini secara tidak langsung dapat melatih remaja kitani untuk berusaha dan sekali gus membantu ekonomi atau kewangan keluarga khususnya dan negara amnya.

Di samping dapat mengisi masa yang ada dengan sesuatu yang berfaedah dan sekali gus dapat mengelakkan diri mereka daripada terjebak kekancah kegiatan negatif atau sosial. Jadi di sini ibu bapa dan masyarakat sekeliling memainkan peranan yang cukup besar.

Remaja kita kini tidak seharusnya hanya duduk diam dan berkeluk tubuh menunggu

pekerjaan datang kepada mereka, sebaliknya haruslah berusaha untuk memperbaiki kehidupan masing-masing dengan merebut apa sahaja peluang pekerjaan yang ada tanpa perlu memikirkan 'kelas' atau 'standard' sesuatu pekerjaan itu. Jika tidak pun cuba memulakan atau mengorak langkah dengan membuka perniagaan kecil-kecilan, yang mana ianya adalah lebih baik daripada hanya duduk diam berkeluk tubuh. Kemudahan dan peluang banyak tersedia, jadi hanya tinggal remaja sajalah yang menentukan sama ada mahu mencuba atau tidak. 'Tepuk dada tanya selera, ingin berjaya mulakanlah usaha'.

Awang Deeni Rudita bin Idris,
Simpang 93-21-5, No. 8
Rancangan Perpindahan
Negara Kampong Pandan
Kuala Belait KA 2131
No. k/p: 294658.

Jangan hanya berharap di sektor kerajaan

ISU pengangguran di Negara Brunei Darussalam adalah sangat membimbangkan. Adapun definisi pengangguran itu ialah seseorang yang tidak memiliki sebarang pekerjaan. Jumlah dan bilangan penganggur dari tahun ke setahun adalah meningkat. Pada tahun 1995, mengikut laporan Jabatan Buruh telah mencatatkan lebih daripada lima ribu golongan muda tidak bekerja dan pada tahun 1999 telah dicatatkan sejumlah lebih daripada enam ribu penduduk tempatan tidak mempunyai pekerjaan.

Adapun golongan penganggur itu terdiri daripada golongan muda dan di antara mereka itu adalah terdiri daripada lepasan graduan universiti, lepasan penuntut dari maktab-maktab dan vokasional, lepasan penuntut sekolah menengah yang tidak lulus dalam peperiksaan sama ada Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau BJCE, 'O' level dan tidak ketinggalan juga murid-murid yang berhenti setakat peringkat sekolah rendah.

Sebab-sebab pengangguran itu berlaku dapat dibahagikan kepada tiga pihak iaitu pihak kerajaan, swasta dan individu itu sendiri. Walaupun pihak kerajaan telah berusaha untuk menangani masalah pengangguran dengan membina bebe-

rapa buah institusi vokasional atau sebagainya, namun kebanyakan kursus-kursus yang ditawarkan seolah-olah tidak mengikut perkembangan semasa. Ini adalah kerana selepas saja tamat mengikuti kursus, tidak ada pihak-pihak yang tertentu mengambil mereka bekerja walaupun mereka mempunyai kelulusan atau pencapaian yang boleh dikatakan membanggakan.

Walaupun pihak kerajaan ada mengiklankan banyak jawatan-jawatan kosong khususnya dalam akhbar-akhbar, namun yang mendukacitakan ialah salah satu syarat yang dikehendaki bagi setiap jawatan hendaklah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua atau tiga tahun. Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai pengalaman langsung tidak akan dapat mengisi jawatan kosong tersebut.

Pihak swasta pula lebih suka mengambil pekerja luar daripada mengambil anak tempatan. Antara sebab-sebabnya ialah anak tempatan tidak suka bekerja di tempat yang tidak selesa, 'kotor', tidak berhawa dingin, tidak berkesanggupan bekerja sebagai 'driver' dengan alasan malu kepada kawan-kawan, tidak sanggup bekerja berdiri dalam jangka masa yang agak lama, gaji rendah dan sebagainya.

Adapun punca pengangguran itu berhubung kait dengan diri individu itu sendiri yang mana sikap mereka yang terlalu memilih kerja. Kebanyakan daripada mereka lebih suka bekerja di sektor kerajaan daripada bekerja di sektor swasta dengan alasan di sektor kerajaan mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang tertentu yang tidak akan dapat mereka peroleh jika bekerja di sektor swasta.

Jika masalah pengangguran ini tidak ditangani dengan penuh bijaksana, golongan yang terdiri daripada penganggur ini akan melakukakan gejala-gejala sosial yang tidak sihat seperti melakukan jenayah seperti mencuri, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Perkara ini tidak mustahil dilakukan oleh mereka kerana berkeungkinan mereka mengalami perasaan tekanan atau sebagainya. Kesan daripada perbuatan mereka ini akan merosakkan akhlak mereka sendiri dan boleh mendatangkan kerugian kepada bangsa dan negara secara keseluruhannya.

Dayang Norhayati binti Haji Jumaat,
No. 41 Simpang 1244,
Kampong Tanjung Bunut
BF 2920.
No. k/p: 266890.

Kerajaan telah lakukan pelbagai pengorbanan

MASALAH pengangguran adalah satu masalah yang sering dihadapi oleh banyak negara dan dalam hal ini Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan menghadapi masalah yang sama. Saban hari masalah ini sering diperkatakan baik secara formal mahupun secara tidak formal di dalam media cetak mahupun media elektronik tidak kurang juga di tempat-tempat awam seperti di kedai-kedai kopi dan sebagainya. Setiap tahun jumlah pengangguran terutamanya di kalangan belia-belia di negara ini meningkat, dan tidak ada tanda-tanda positif yang menunjukkan bahawa jumlah itu akan menurun.

Banyak pihak membuat ulasan dan penilaian sendiri akan sebab-sebab berlakunya pengangguran di negara ini. Ada yang menyalahkan belia-belia dan ada pula yang menyalahkan institusi-institusi tertentu. Dalam hal ini kita hendaklah boleh bersikap ekstrim dengan menyalahkan atau menuding jari kepada pihak-pihak tertentu sahaja.

Semasa penempatan, di samping membuat kerja-kerja yang diarahkan oleh majikan, calon berkenaan juga akan dikehendaki untuk mengikuti program-program yang telah dirancang dan dikenal pasti. Tempoh penempatan adalah di antara 3 hingga 6 bulan tertakluk kepada jenis jawatan dan juga persetujuan majikan.

PROSES 5 - PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Perkembangan setiap pelatih yang telah disalurkan ke syarikat swasta akan diawasi dan dipantau dari masa ke semasa oleh Jabatan Buruh melalui Jawatankuasa Pemantauan. Setiap majikan dikehendaki untuk menghadapkan laporan perkembangan (Progress Report) ke jawatankuasa berkenaan setiap bulan bagi setiap pelatih yang ikut ser-



ta dalam skim ini dan cuma pelatih-pelatih yang menunjukkan prestasi dan kedisiplinan yang memuaskan akan diberikan elaun mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Di samping laporan bulanan, Jabatan Buruh juga akan membuat pemantauan melalui lawatan ke tempat kerja di mana pelatih menjalani latihan serta perbincangan yang berterusan dengan pihak majikan.

PROSES 6 - PEKERJAAN TETAP

Calon-calon yang berjaya mengikuti skim ini dan memenuhi kehendak majikan akan diambil berkhidmat secara tetap oleh majikan. Calon-calon yang berjaya juga akan diberikan SIJIL PENYERTAAN (TAMAT LATIHAN).



Bagi maklumat dan penerangan lanjut mengenai dengan skim ini, sila hubungi terus :

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PEKERJAAN TEMPATAN
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tel : 02 382 056 Ext 332/342

Hot Line : 02 382676

Fax : 02 383 244/02 382 979

E-Mail : info@labour.gov.bn



13 peserta layak memasuki pertandingan membaca Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai 13 orang peserta daripada 34 peserta yang menyertai Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Masjid-masjid Daerah Brunei dan Muara bagi zon 1A dan 1B layak memasuki pertandingan seterusnya setelah mendapat markah melebihi daripada 75 peratus.

Menduduki tempat pertama di pertandingan itu ialah Awang Haji Manan bin Haji Osman dengan mendapat 86 peratus mewakili Masjid Kampong Tamoi, tempat kedua mewakili Masjid Perpindahan Lambak Kanan jatuh kepada Awang Zulhili bin Haji Abiddin dengan mendapat 85 peratus dan pemenang ketiga, Awang Haji Rosli bin Haji Batang dengan mendapat 84 peratus wakil dari Masjid Kampong Lambak.

Pertandingan yang berlangsung di Masjid Kampong Tamoi itu dihadiri oleh Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang dan peserta yang layak.

Oleh Abu Bakar HAR

Dalam ucapan Pengerusi Bersama Majlis, Awang Haji Muslim menerangkan bahawa pertandingan tersebut bertujuan memilih peserta-peserta pertandingan untuk bertanding ke peringkat seterusnya bagi mewakili zon 1A dan 1B bagi Daerah Brunei dan Muara setelah mendapat markah melebihi 75 peratus.

Menyentuh mengenai amalan membaca Al-Quran, Awang Haji Muslim menjelaskan bahawa membaca Al-Quran itu bukan saja mendapat ganjaran pahala tetapi juga mendapat rahmat daripada Allah.

Tambahnya, dengan berpandukan ajaran Al-Quran, seseorang itu akan terlepas daripada sebarang kesesatan. Oleh itu beliau menyeru agar mempelajari dan mendalami Al-Quran tanpa jemu-jemu, di samping mendampingi Al-Quran sama ada membaca apatah lagi mendengarnya juga akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wataala.

Menurutnya lagi, dengan membaca Al-Quran juga akan

menjadi ubat bagi hati-hati yang gelisah.

Pertandingan diserikan lagi dengan persembahan tausyeh daripada penuntut-penuntut Sekolah Persediaan Arab Beribi dan daripada gabungan pegawai-pegawai masjid Daerah Brunei dan Muara zon 1A dan 1B.



PENGARAH Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Masjid-masjid Daerah Brunei dan Muara. Majlis berlangsung di Masjid Kampong Tamoi. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Masjid Kg. Mentiri terima sumbangan

Oleh Samle HJ

MENTIRI, 27 Mac. - Masjid Kampong Mentiri telah menerima sumbangan berupa alat penghawa dingin (air condition) dari Badan Kebajikan Islam Hongkong Bank (HSBC).

Sumbangan yang bernilai lebih \$25 ribu itu disampaikan oleh pengerusinya, Awang Haji Abdul Aziz bin Kasim di majlis penyerahan sumbangan di Masjid Kampong Mentiri.

Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Ismail bin Haji Manap hadir bagi menerima sumbangan berkenaan dengan disaksikan oleh pegawai-pegawai masjid serta ahli Badan Kebajikan Islam HSBC.

Masjid Kampong Mentiri telah dibina pada tahun 1984 dan boleh menampung lebih 500 jemaah.

Sumbangan berkenaan merupakan antara aktiviti badan berkenaan dan diharap akan dapat memberi lebih keselesaan kepada jemaah yang menggunakan masjid tersebut.



PENGERUSI Badan Kebajikan Islam HSBC, Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan sumbangan derma kepada Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Ismail bin Haji Manap. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Konsep hijrah jangan bermusim



DR. Nik Rahim bin Nik Wajis ketika menyampaikan ceramah sempena Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1422 yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

KIARONG, 27 Mac. - Penceramah Institut Pengajian Islam, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Nik Rahim bin Nik Wajis berkata barang siapa murtad kepada agama Allah (Islam) dan mati dalam keadaan kufur, maka akan musnahlah segala amalannya di dunia dan mereka itu tetap dalam Neraka.

Dr. Nik Aziz berkata demikian sewaktu memberi ceramah sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1422 yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkebakikan tersebut ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yusof bin Haji Ismail.

Selain kebiasaannya dihadiri oleh para jemaah masjid, majlis malam itu juga telah dihadiri oleh penuntut-penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan; Sekolah

Menengah Arab Laki-Laki Hassanil Bolkhiah; Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkhiah.

Apabila diminta mengulas daripada kesimpulan Ceramah Hijrah itu, Dr. Nik Rahim menjelaskan bahawa ceramah tersebut telah memfokuskan kepada akidah kerana apa yang diperjuangkan oleh Nabi selama 17 tahun di Mekah itu pun sememangnya berkisar kepada akidah.

Tambahnya, perkara pokok sekali dalam pegangan kita ialah akidah kerana menurutnya, kalau kita tidak menjaga akidah dan rosak akidah, maka rosaklah segala-galanya.

Tambahnya, fokus utama daripada ceramah itu ialah hijrah dalaman kita iaitu yang penting hijrah kita daripada akidah yang kurang mantap kepada akidah yang lebih mantap.

Tips kedua yang dipersoalkan oleh beliau

Oleh Abu Bakar HAR

ialah mengenai amal ibadat dan amal ibadat yang paling utama ialah sembahyang.

Jelas Dr. Nik Rahim, sembahyang yang kita lakukan setiap hari itulah yang akan menentukan bahagia atau tidak hidup kita, kerana bukti utama kita beriman ialah sembahyang.

Tegasnya, konsep hijrah ini sepatutnya menjadi amalan atau prinsip yang berterusan dan bukan hanya bermusim dan semangat hijrah itu tidak hanya akan timbul bila menyambut awal tahun Hijrah sahaja kerana hijrah ini jelasnya ialah konsep perjuangan yang dibawa oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan konsep perjuangan yang utama ialah perjuangan melawan hawa nafsu kerana menurutnya, apabila kita berjaya melawan hawa nafsu maka akan berjaya lah semuanya.



"MA Jalanku dulu," Salina meminta keizinan daripada ibunya yang sedang menyiram bunga di halaman.

"Bah ... Lina baik-baik di jalan atu, jangan akhir balik," balas ibunya. Setelah Salina mencium tangan ibunya, dia pun beredar dengan memandu keretanya yang berwarna merah. Salina sengaja meluahkan masanya untuk pergi bersiar-siar di hujung minggu, setelah penat bekerja seminggu-minggu.

Dalam perjalanan Salina mendengar lagu-lagu kegemarannya. Setelah lima belas minit dalam perjalanan Salina sampai ke destinasi yang dituju. Sungguh indah pemandangan Pantai Tungku, Salina meletakkan keretanya tidak jauh dari tempat dia ingin menikmati suasana kedamaian. Salina duduk sambil memegang buku kecil yang sering dibawa ke mana saja dia pergi.

"Bang mama bertanya arahku," Salina membuka tirai bicara perbualan dalam telefon pada malam yang hening itu. Tunang Salina yang sering sibuk bertugas hanya menelefon seminggu sekali. Namun Salina seorang gadis yang baik dan memahami akan tugas tunangnya. Sudah setahun enam bulan mereka menjalinkan pertunangan.

"Apa lagikan?" Suara Amran tunang Salina begitu malas kedengarannya membuatkan hati gadis ayu itu menjadi cair, secai besi yang dibakar api.

"Bilatah kitani kan" belum pun sempat Salina menghabiskan patah ayat bicaranya, Amran sudah terlebih dahulu memotong perbualan.

"Sabarlah dulu bah ... tunggulah setahun dua lagi." Salina sudah habis fikir ketika itu kerana hatinya sudah tidak tahu apa yang ingin dipersoalkan lagi.

"Bah, camani saja, kalau abang dapat berjumpa mama sama abah, cakap saja sama diorang," Salina terus saja menutup tirai bicara kerana tidak ingin bertengkar mengenai soalan yang sudah menjadi remeh-temeh baginya.

"Bah lain kalitah kitani berjumpa, esok kan jumpa kawanku lagi, jangantah kau telefon aku esok," sekali lagi Salina tergamam dengan kata-kata yang mengundang air mata jatuh ke pipi gebu Salina.

Salina sudah tidak tahu apa yang patut diperkatakan lagi pada orang tuanya, kerana mama dan abah Salina masih tidak serik-serik bertanya bila masa Amran akan menentukan hari perkahwinan mereka. Salina sering dirundung persoalan yang dia sendiri tidak dapat menyelesaikannya. Setiap malam Salina tidak dapat tidur lena kerana menanggung persoalan yang tergantung-gantung. "Mengapa abang sanggup membiarkan Lina menjawab persoalan ani sendiri,"

HANYA KERANA DIA



bisik hati Salina.

Kadang-kadang Salina cuba untuk mencari apakah penyebab Amran berubah sampai tidak ingin berjumpa dengannya. Namun Salina masih bersabar dengan apa yang ditanggungnya, walaupun hatinya sudah kian hancur luluh. Terasa kering sudah air mata Salina untuk menangi semua itu. Persoalan demi persoalan diajukan padanya. Akhirnya, Salina mengambil keputusan untuk menjumpai Amran walau apa pun yang akan orang katakan hanya lantaran tekanan yang dihadapinya.

Salina datang sendiri ke rumah keluarga Amran, namun Salina terpaksa menunggu dua jam lebih kerana Amran belum tiba di rumah. Setiba Amran di rumah, Salina menyambut di muka pintu bersama senyuman manis terukir di bibir, begitu

tabahnya hati gadis itu, walaupun terpaksa menunggu lebih daripada dua jam.

"Bahapa kau ke mari Lina?" Amran menyoal Salina dengan wajah yang tidak menggambarkan kegembiraan apabila tunangnya hadir tanpa diundang.

"Adakan Lina cakapkan arah abang, dari di malam sudah Lina telefon abang, tapi abang inda ada di rumah," lembut dan bersahaja suara Salina.

"Bah, becakap tah sibukku ni, apakan?" Amran ingin supaya Salina terus menjelaskan tanpa berbunga-bunga kata lagi. Salina menerangkan apa maksud kehadiran Amran, namun Amran masih keras kepala masih tidak mahu memberikan penjelasan yang sebenar. Salina pulang dengan kehampaan tanpa membawa jawapan yang pasti.

Semenjak peristiwa tersebut, Salina bertekad dalam diri untuk menyiasat apa yang sebenar Amran lakonkan. Setiap selepas mengerjakan sembahyang lima waktu, Salina menadahkan tangan memohon doa dan meminta petunjuk supaya terbongkar segala persoalan yang masih bermain di benak fikirannya yang berkecamuk.

Pernah suatu hari, Salina terdengar desas-desus bahawa Amran ada hubungan dengan gadis sekolah, namun Salina masih memiliki pertimbangan kerana Salina belum mendapat bukti sebenar. Pernah juga Salina menimbulkan persoalan tersebut ketika berbual di telefon, namun sebaliknya Salina akan menerima suara kemarahan yang menidakkan perbuatan Amran. Salina hanya mampu bersabar. Kadang-kadang Salina merasa dirinya diperbodohkan de-

MEREKA pun mengekori ke mana saja kereta Amran berjalan. Hati Salina semakin yakin bahawa Amran ada hubungan dengan gadis sekolah itu kerana mereka sudah berada di kawasan sekolah menengah.

ngan sikap tunangnya Amran.

"Kau jangan buat bodoh saja Lina," Farhana kawan baik Salina memberi nasihat pada Salina kerana Salina sudah tidak sanggup untuk menanggung sendiri. "Macam mana kalau kitani menyiasat, banarkah atau inda," rancang Farhana lagi. Salina memikirkan untuk beberapa minit, akhirnya Salina akur untuk menyiasat sendiri demi menjawab teka-teki itu.

Salina dan Farhana berjalan meronda ke tempat Amran bekerja, mereka sengaja menggunakan kereta palsu yang baru saja dibeli oleh kawan karibnya Farhana. Waktu tengah hari, mereka nampak Amran berjalan menuju ke keretanya. Ketika itu, Salina sengaja menelefon telefon bimbit Amran.

"Abang, boleh bawa Lina makan tengah hari ani?" Salina mengajak Amran.

"Sibukkan di ofis ni bah lain kalitah," Amran terus memutus panggilan tanpa membalas salam Salina. Terpurus lagi perasaan Salina, di hadapan Farhana. Farhana cuba menyabarkan perasaan Salina ketika itu.

Mereka pun mengekori ke mana saja kereta Amran berjalan. Hati Salina semakin yakin bahawa Amran ada hubungan dengan gadis sekolah itu kerana mereka sudah berada di kawasan sekolah menengah. Sengaja mereka berhenti jauh sedikit daripada

kereta Amran. Kelihatan seorang gadis manis masuk ke dalam kereta Amran.

"Gadis yang tidak dikenali, bukan sepupu, bukan anak buah dan bukan ah," bisik hati sayu Salina kerana Salina banyak tahu keluarga Amran, sebelum mereka bertunang, mereka telah saling mengenali lebih daripada lima tahun. Salina mengangap keluarga Amran sudah seperti keluarganya sendiri.

"Apakah salahku, apa lagi kekuranganku," bisik hati Salina. Mereka terus mengekori ke mana gerak perjalanan kereta Amran, tiba ke destinasi, restoran makanan segera di pusat bandar. Mesranya hubungan mereka, seperti mesra hubungannya dengan Amran sebelum segala perubahan itu berlaku. Kesabaran masih mendingir diri Salina untuk tidak melakukan sesuatu yang di luar undang-undang fikiran dan undang-undang negara. Salina dan Farhana pergi ke restoran tersebut dan memerhatikan keolahan tunangnya yang sudah berubah laku.

Salina hanya tenang memandang kelakuan tunangnya yang meluat, Farhana yang tidak ada hubungan dengan Amran memandang geram akan gelagat pasangan bahagia itu. Setelah mereka selesai makan, Salina dan Farhana terus mengekori mereka. Salina memberanikan diri untuk bersempa dengan mereka.

PUISI PUISI PUISI PUISI

USAH DIKENANG LAGI

Kenangan silam itu cukup menyakitkan,
tak pudar dalam ingatan
tingkah laku cukup membosankan
jemu tanpa penghujung
lahirlah rasa dendam yang sungguh
membara
namun yang didendam kini tiada
ianya tidak mendapat keampunan
bagiku usahlah dikenang lagi dirinya....

BENARKAH?

Jiwa dan mindamu masih serba salah
ditemani oleh banyak persoalan
persoalan tanpa pengertian
entah apa yang buat dirimu sedemikian
masih dilema, masih tanpa jawapan yang
lulus
kepercayaan masih tiada
antara kebenaran dan dusta
benarkah???

SIAPA YANG BENAR???

Kedua belah pihak yang bersengketa
antara kesahihan dan kejahatan
tiada saksi di antara keduanya
saling membenci, saling berdendam
memang saling mahu menang
mahu dipercayai
pertahankan diri demi keyakinan.
Adakah pengorbanan dan ketabahan itu pasti
pasti selesaikan apa yang keruh
jawapan ada pada diri keduanya
sama-sama tanpa tolak ansur
siapa yang benar, siapa yang salah
hanya dinilai dari pandangan
tapi jangan disesal, jangan kecewa
pilihlah kalau kau tahu siapa yang benar

Omeyad, dhm

SYAIR HIJRAH RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM (Sempena sambutan tahun Hijrah pada 26 Mac, 2001 bersamaan 1 Muharam, 1422)

Bismillah dan salam disusun madah,
Mengatur cerita tentangnya hijrah,
Dari Mekah tujuhnya ke Madinah,
Nabi kita pesuruh Allah.

12 Rabiulawal kisah terjadi,
Perintah Allah kepada Nabi,
Tujuan besar melepaskan diri,
Ancaman kafir tiada berhenti.

Baginda diintip di mana-mana,
Hendak dibunuh pelbagai cara,
Tidurlah Ali di selimut Baginda,
Dapat keluar dan dikaburi mata.

Tiga hari lamanya di Gua Thur,
Dalam perjalanan susun diatur,
Susu kambing pemberian luhur,
Daripada Amir berhati jujur.

Gua Thur dapatlah dicari,
Kafir Quraisy jahatnya hati,
Sarang labah-labah suruh berhenti,
Mengeramlah pula burung merpati.

Hari keempat bertolaklah Baginda,
Abdullah bin Uraygat sentiasa ada,
Suku Quraisy belum Islamnya,
Menunjukkan jalan sepatutnya berada.

Abu Bakar Assidiq pengikut setia,
Sanggup hadapi sebarang bahaya,
Mengiring Baginda di mana jua,
Tinggal saudara tinggalkan keluarga.

Bermalam pula di Kota Quba,
Empat harinya selepas tiba,
Tuju ke Yathrib bukannya berdua,
Amir, Abdullah, Abu Bakar serta Baginda.

Masjid Quba restuan dibina,
Kemasukan Islam tanda pertama,
Sempena ketibaan singgah Baginda,
Hingga kini sebagai tanda.

Tiba di Madinah Baginda disambut,
Besar dan kecil habislah ikut,
cuaca nyaman bayu berpuput,
Barisan nasyid semuanya menyebut :-
Talaal badru alaina - minsani yatil wada ie,
Wajabat syukuru alaina - madaal lillahi

da ie,
Ayyuhul mabhu thufina - jiktabil amril
muta ie.

Maksudnya:
Telah terbit bulan purnama atas kami,
Dari lembah yang dia tinggalkan.
Kami wajiblah bersyukur atas-Nya,
Dia datang mengajak kepada Allah.
Wahai yang diutus kepada kami,
Kau datang membawa khabar yang ditaati.

Tutur Baginda terkenal lembut,
Menjadikan Madinah ramai pengikut,
Musuh di Mekah tiada tabubat,
Hati semuanya menikus takut.

Penat mengembara tiada terperi,
Kenderaan Baginda lalu berhenti,
Di depan rumah Abu Ayyub Al-Ansari,
Turutlah tinggal beberapa hari.

Hijrah diteladani dari Baginda,
Belajar sabar memenuhi dada,
Bawa ke mana ketika berada,
Kejayaan akhir di mata-mata.

Mekah ditinggal Hijrah di Madinah,
Berkembalikan iman kerana Allah,
Rakyatnya akur tiada berhelah,
Berdakwah kini tiada masalah.

Baginda Nabi senangnya hati,
Menyatukan puak sedia strategi,
Membina rumah Allah Masjid Nabawi,
Agar Muhajirin-Ansar berteguh janji.

Nabi tergolong bijak nan pintar,
Mencari akal kaumnya Ansar,
Supaya permusuhan cepat bertukar,
Aus dan khazraj teguh berikrar.

Teranglah Madinah darinya kelimat,
Hubungan kafir dengannya Islam,
Kini terlerai perasaan dendam,
Iman ke agama menyinar alam.

Rasulullah berjuang menegak keadilan,
Hijrah menyebabkan belatnya fikiran,
Tanah air sejati rela tinggalkan,
Wahyu Ilahi sumber panduan.

Iman, hijrah dan juga jihad,
Kumpul bertiga penuhi hajat,
Percayakan Allah kukuh terpahat,
Terelaklah diri berhati jahat.

Demi Allah Rasul yang mulia,
Hikmat baik dapat dibawa,
Peristiwa hijrah penguat takwa,
Darinya damit sampailah ke tua.

Nabi berhijrah bersama iman,
Tidak gelojoh malah berancangan,
Mengembangkan Islam cukup persiapan,
Langkah baik terhindarlah walangan.

Memilih sahabat Baginda utamakan,
Abu Bakar Assidiq perancang janaan,
Duhai kalian baik turutkan,
Tidakkan menyesal di hari kemudian.

Kebahagiaan manusia Baginda perhati,
Maslahat manusia perlu bertopensi,
Kebaikan itu bak zarrah sebiji,
Nescaya kelak Allah balasi.

Kesabaran Baginda begitu tinggi,
Sebarang cabaran tenang dihadapi,
Semuanya itu baik dicontohi,
Hijrah mengajar bertinggi budi.

Baginda contohkan berbijaksana,
Penuh keyakinan apa pun jua,
Ramah dan mesra pada sesiapa,
Melayan musuh tiada berkira.

Demikian molek Baginda berdakwah,
Pengikut sedikit makin bertambah,
Golongan atas ke golongan bawah,
Semuanya dibuat kerana Allah.

Hijrah disambut setiap tahun,
Tahun baru Islam rasmi serumpun,
Ambillah iktibar kisah dihipun,
Agarnya dosa senang diampun.

Cukup sekian diri bermadah,
Mana yang tahu berhubung hijrah,
Sentiasa bermohon kepada Allah,
Jumpa di hari lain insya-Allah.

Awang Haji Mariat bin Haji Abdullah

Dari muka 12

"Hai, assalamualaikum?"
Salina menyapa mereka,
Amran memandang hairan
pada Salina, Amran seperti
ingin mengenali siapa gadis
ayu yang menegur mereka.

"Walaikumsalam, me-
ngapa dang" gadis sekolah
itu menjawab salam dalam
wajah yang tidak senang.
Maklum gadis ayu yang can-
tik menegur kekasihnya yang
segak!!

"Ni beg duit kita ting-
gal ah anda kita gunakan?"
Salina berkata selamba saja
sambil diperhatikan oleh
Farhana dari jauh.

"Bolehku bercakap de-
ngan kita dang?" Salina
sengaja bercakap di hadapan
Amran.

"Ani ... tunang kita kah
....?" Amran dan gadis seko-
lah itu berpandangan sesama
sendiri.

"Ia ani boyfriendku pulang
ni, mengapa kan?" Gadis itu
menjawab dengan bahasa
yang kurang manis. Salina
memberitahu bahawa Amran
adalah tunang orang kepada
gadis itu, Amran terperanjat
dengan apa yang diberitahu
oleh Salina.

"Eh siapa kau ani kan
dang?" Amran inginkan
kepastian daripada Salina.

"Kalau kita kan tahu,
boleh biskita mengikutkan
kadiaku," jawab Salina.
Amran mempersetujui akan
cadangan Salina itu.

Salina dan Farhana me-
ngarahkan supaya Amran dan
gadis itu mengekori mereka

**SALINA dan Farhana mengarahkan
supaya Amran dan gadis itu mengekori
mereka dari belakang. Dalam
perasaan yang tenang dan geram
Salina tidak ada pilihan lain lagi selain
daripada membawa mereka ke satu
destinasi yang di luar dugaan Amran.
Salina membawa mereka ke rumah
Amran sendiri. Dengan disaksikan oleh
ibu bapa Amran ketika itu, kerana itu
adalah rancangan Salina setelah
mendapati akan tingkah lakunya awal
tadi. Mereka semua turun daripada
kereta, manakala gadis itu hanya
tinggal di dalam kereta, mungkin juga
dia takut.**

dari belakang. Dalam pe-
rasaan yang tenang dan
geram Salina tidak ada pilih-
an lain lagi selain daripada
membawa mereka ke satu
destinasi yang di luar dugaan
Amran. Salina membawa
mereka ke rumah Amran
sendiri. Dengan disaksikan
oleh ibu bapa Amran ketika
itu, kerana itu adalah rancan-
gan Salina setelah men-
dapati akan tingkah lakunya
awal tadi. Mereka semua
turun daripada kereta, mana-
kala gadis itu hanya tinggal di
dalam kereta, mungkin juga
dia takut.

Amran inginkan kepastian
lagi daripada Salina kerana
dia belum dapat mengenali
siapakah gadis ayu itu yang
sebenarnya. Sedangkan ibu
bapa Amran sudah tahu me-
ngenai muslihat atas hasil
buah fikiran Salina dan
Farhana kerana mereka ingin
ibu bapa Amran melihat
sendiri atas apa yang mereka
saksikan.

"Kalau kita kan tahu aku
ani siapa aku tah tunang
kita, Salina," Salina mem-
buat pengakuan. "Bah di
hadapan saksi ani ... Lina
mahu abang membuat pe-
ngakuan, siapatah Lina ani
sebenarnya di hati abang, dan
siapa gadis itu." Dengan
wajah yang tenang dan damai
Salina terpaksa menutup se-
gala kesedihan yang ditang-
gungnya selama dia disakiti.

Amran terdiam seribu
bahasa, tidak tahu, apakah
jawapan yang bakal untuk di-
jawab. Farhana membawa
gadis itu keluar dari kereta
Amran, dengan tangis gadis
itu datang menghampiri
Salina. Salina menyatakan

kepada mereka di hadapan
kedua-dua ibu bapa Amran.
Jika kerana gadis itu Amran
berubah hati kepadanya,
Salina rela melepaskan ikatan
pertunangan mereka. Amran
yang berwajah garang pada
mulanya bertukar menjadi
wajah yang kesal dan terharu.
Amran terkilang kerana Salina
bersikap tenang saja, tiada
wajah kemarahan, walaupun
Amran tahu bahawa apa yang
tersirat di lubuk hati Salina
adalah kesedihan yang amat
sangat.

Keluarga Amran sangat
terharu dengan apa yang ber-
laku, gadis sekolah itu keli-
hatan serba salah. Dengan
sikap yang berbudi bahasa
dan hormat Salina kepada
keluarga Amran, Salina me-
mohon maaf kerana terpaksa
mengundur diri atas kejadian
tersebut.

Salina membuat keputus-
an untuk memutuskan tali
pertunangan mereka, kerana
Salina sudah tidak sanggup
dengan hidup yang digantung
tak bertali. Kerana gadis itu,
Amran telah bertukar kasih
sayangnya pada Salina.
Mereka pun rasmi putus
tunang selepas satu minggu
kejadian itu berlaku.

Amran merasa kesal, se-
tiap malam selepas kejadian
itu, Amran sering menelefon
Salina untuk merayu semula
cintanya yang telah punah.
Salina tidak bersikap kasar,
malah bercakap secara baik,
bahawa tiada jodoh antara
mereka. Salina mengharap
agar Amran setia kepada
gadis itu, kerana gadis itu
nampaknya sangat menyayangi
Amran. Salina memo-
hon lagi agar jangan diulangi
perbuatan Amran yang dulu
kepada gadis itu. Jiwa kele-
lakannya tercabar. Amran
terpaksa jua menjatuhkan air
mata yang begitu mahal buat-
nya.

Matahari sudah menjulang
tinggi di awanan, memancar
sinar ke muka bumi, silau air
laut memancar-mancar wajah
ayu gadis tenang itu. Segera
Salina bangkit daripada kenan-
gan yang masih segar dalam
ingatannya. Sebaik saja
Salina ingin membuka pintu
keretanya. Seorang jejaka
tempatan menghulur tangan
perkenalan. Salina menerima
perkenalan itu.

Namun bagi Salina jika
hanya sekadar kawan biasa,
Salina akan terus berkawan
dengannya, tapi jika jejaka itu
ingin memiliki hatinya, se-
mula itu masih dalam pertim-
bangan.



سنتيائس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 4 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : SABER RIDER AND THE STAR SHERIFF
5.00	JUARA - SIARAN LANGSUNG
5.30	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE
5.45	BERITA
5.55	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan
6.20	BIMBINGAN MUKMIN
6.29	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	FLORIST JEJARI HIJAU - Ulangan
7.38	AZAN ISYAK
7.44	FLORIST JEJARI HIJAU - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.05	DRAMA CO PRODUCTION: - 'Catatan Misteri'
9.45	MODERN MANAGEMENT
10.00	NEWS AT 10
10.30	MODERN MANAGEMENT - Sambungan
10.45	VENGEANCE UNLIMITED - 'Victim Of Circumstance'
11.40	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 5 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/FERDY
5.00	PLANET VIDEO - Siri Baru
5.45	BERITA

5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Ulangan
6.29	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN
6.45	DARI MAHKAMAH KADI

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.39	AZAN ISYAK
7.45	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
9.50	DRAMA: TAKANA JUO KAMPUNG - Siri Baru
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
10.50	WAYANG PILIHAN - 'Voyage of Terror'
12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 6 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	MEKAR
11.30	BERITA
11.40	THE GUERRILLA GARDENER
12.15	DISCOVER ISLAM: AISHA LEENO
12.30	SEMBAHYANG FARDU
	JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Time Warrior 4: Eggs From 70 Million BC'
3.27	AZAN ASAR
3.32	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR: VOLTRON DEFENDER OF UNIVERSE/TAMAN KANCIL
5.30	SYIAR MASJID
5.45	BERITA
5.55	SYIAR MASJID - Sambungan
6.10	UNDERSEA EXPLORER - 'Tentacles'
6.29	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	RITMA
7.38	AZAN ISYAK
7.44	RITMA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL

9.00	DRAMA: OFIS - Siri Baru
9.30	DOKUMENTARI KHAS: HARI KESIHATAN SEDUNIA
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
10.45	TELEDRAMA - 'Apa Salahku' Bhg. VI
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 7 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/HELLO KITTY'S PARADISE
10.55	LITTLE STAR
11.20	RITMA - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	RITMA - Sambungan
12.00	ON LINE
12.24	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI: SELAGI DAYA - 'Ikan Kering dan Ikan Liking' - Ulangan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG
	SABTU: - 'Lost Treasure Of Dos Santos'
2.40	TINJAUAN - Ulangan
3.10	SPECIAL OPS FORCE - 'Tethered Goats'
3.27	AZAN ASAR
3.32	SPECIAL OPS FORCE - Sambungan
3.45	DOKUMENTARI - 'Body By Nature'
4.45	ANIMATION HOUR : GROUNDLING MARSH/ TUAH
5.45	BERITA
5.55	DRAMA RTB - PERTEMBUNGAN - Ulangan
6.29	AZAN MAGHRIB
6.40	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	UNEARTHED
7.38	AZAN ISYAK
7.44	UNEARTHED - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	PERTANDINGAN AKHIR KUIZ HIJRAH 1422 - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Assassins'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 8 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN

6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.10	KLIK! KLIK! KLIK! - Siri Baru
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Nicholas Nickleby'
12.24	AZAN ZUHUR
12.30	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2000/2001
2.30	GEMA TV
3.00	RODA EKONOMI
3.28	AZAN ASAR
3.35	VISI REMAJA
4.05	BINTANG KECIL 2001 - SEPARUH AKHIR KEDUA
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	MARI BELAJAR MENGAJI
5.45	BERITA
5.55	MARI BELAJAR MENGAJI - Sambungan
6.10	BIMBINGAN MUKMIN
6.28	AZAN MAGHRIB
6.35	AL-QURAN

MALAM

7.00	BRUNEI SIOK - Siri Baru
7.38	AZAN ISYAK
7.44	BRUNEI SIOK - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Mat Gelap'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	CODE NAME: ETERNITY - 'Fatal Error'
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 9 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION - 'Black Beauty'
5.15	TRAP TRIP - Ulangan
5.30	CODE RED - 'Armed And Missing: We Lost An Aircraft'
5.45	BERITA

5.55	CODE RED - Sambungan
6.15	THAHARAH
6.28	AZAN MAGHRIB
6.36	THAHARAH - Sambungan

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	PERSPECTIVE
7.38	AZAN ISYAK
7.44	PERSPECTIVE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO-PRODUCTION: SITI AYU
9.30	ALUNAN GEMALAI
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	THE LIGHTER SIDE OF SPORTS
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 10 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : DRAGON TALES/YOCKIES
5.00	WILD DISCOVERY - 'Gorillas: Tender Giants'
5.45	BERITA
5.55	WILD DISCOVERY - Sambungan
6.00	DRAMA CO PRODUCTION: AZAM - Ulangan
6.28	AZAN MAGHRIB
6.36	BIMBINGAN MUKMIN


MALAM

7.00	THE FAMOUS JETT JACKSON - 'Eye of the Beholder'
7.25	DOKUMENTARI: DESTINASI
7.38	AZAN ISYAK
7.44	DOKUMENTARI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	TINJAUAN
9.25	E.R - 'Double Blind'
10.00	NEWS AT 10
10.30	E.R - Sambungan
10.45	HARSH REALM - 'The Percenters'
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

PESTA MAKANAN LAUT

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - APRIL 2001

(Brunei Darussalam's Seafood Festival - April 2001)



JABATAN Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
menganjurkan Pesta Makanan Laut sepanjang bulan April 2001.

3 April, 2001

Majlis Pelancaran Rasmi di Dewan Setia Pahlawan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (jemputan sahaja)
Jam : 9.00 pagi
Seminar dan Pameran Peluang-peluang Pelaburan Bagi Industri Perikanan
di Negara Brunei Darussalam (jemputan sahaja)

5 - 8 April, 2001

Peraduan Memancing Ikan Air Tawar di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar
Jam : 9.00 - 11.00 pagi
1.30 - 4.30 petang

26 - 29 April, 2001

Karnival Makanan Laut
Kompleks Pendaratan Ikan Muara
Jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang

- Jualan hasil industri perikanan
- Mempromosi ikan kromis
- Peraduan Memancing
- Peraduan Mewarna Bagi Kanak-kanak
- Peraduan Meneka Berat Ikan
- Program Pemuliharaan Penyu

Lain-lain aktiviti sepanjang bulan April 2001

- Hidangan makanan laut disajikan oleh restoran-restoran dan hotel-hotel yang ikut serta.
- Sukan memancing dan menyelam di kawasan takat.

OLEH ABU BAKAR HAR
GAMBAR-GAMBAR OLEH HARUN HR

TELISAI, 21 Mac. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin berkata, hutan merupakan sebahagian daripada ekosistem yang memainkan peranan penting dalam segala proses kitaran alam sekitar.

Dari hutan kita dapat menghirup udara bersih dan dari hutan juga kita mendapat sumber air yang bebas daripada pencemaran, dan daripadanya juga kita memperoleh sumber makanan.

Oleh itu, setiap individu mestilah mempunyai tanggungjawab dalam memastikan warisan semula jadi ini terus berfungsi dalam memenuhi keperluan kehidupan serta kepentingan-kepentingan sosial dan ekonomi bagi kesejahteraan yang berpanjangan.

Awang Haji Abdul Rahman menegaskan perkara tersebut semasa melancarkan Hari Perhutanan Sedunia 2001 dan sekali gus merasmikan Taman Rekreasi Tumpuan Telisai.

Tambahnya, negara yang mempunyai dasar perhutanan yang mantap telah memberi imbalan yang cukup baik sebagai keperluan pembangunan fizikal dengan keperluan memelihara kehijauan dan kesegaran alam sekitar demi kesinambungan kesejahteraan kita dan generasi yang akan datang.

Jelasnya, dalam suasana pembangunan negara yang pesat membangun kita masih mampu mengekalkan 80 peratus daripada keluasan negara ini sebagai kawasan hutan prima.

"Sungguhpun ekosistem negara masih mantap dan masih mampu bertahan di tahap yang memuaskan, namun sudah nampak petanda-petanda berlakunya tanah-tanah runtuh dan susur di samping hutan terbakar atau dibakar oleh tangan atau perbuatan sendiri," tegasnya.

Melihat keadaan ini, tegas Awang Haji Abdul Rahman, kita masih memerlukan strategi atau kaedah perlindungan hutan dan pencegahannya daripada dimusnahkan atau diceroahi oleh mana-mana pihak atau orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang akhirnya mengundang bencana dan kerugian besar kepada negara.

Melihat akan tanggungjawab bagi mengurus khazanah hutan yang amat berharga ini, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menekankan akan perlunya kerjasama dan komitmen semua lapisan masyarakat.

Beliau merasa yakin dengan tertubuhnya Pasukan Polis Hutan baru-baru ini diharap akan lebih memberi jaminan kepada negara tentang pencegahan serta pemedulian kerajaan dalam sama-sama menjaga sumber semula jadi.

Hari Perhutanan Sedunia yang jatuh pada setiap 21 Mac bukan saja disambut di Negara Brunei Darussalam, tetapi juga oleh semua warga dunia bagi menandakan komitmen masyarakat kita dan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin ketika melancarkan Hari Perhutanan Sedunia 2001 dan merasmikan Taman Rekreasi Tumpuan Telisai, Tutong.

Hutan penting bagi ekosistem

antarabangsa akan kepentingan hutan.

Majlis diserikan dengan nyanyian koir oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan di samping Persembahan Angklong.

Sejurus selepas itu, majlis diikuti dengan penerimaan sumbangan derma daripada 17 buah syarikat kilang papan di negara ini yang berkebetulan bersesuaian dengan tema Hari Perhutanan tahun ini iaitu 'Menanam Sambil Menderma'.

Para penderma yang menyumbangkan sumbangan tersebut telah diberi penghormatan bagi menanam sebatang pokok. Sumbangan yang diperolehi sebahagiannya akan disumbangkan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah.

"SUNGGUHPUN ekosistem negara masih mantap dan masih mampu bertahan di tahap yang memuaskan, namun sudah nampak petanda-petanda berlakunya tanah-tanah runtuh dan susur di samping hutan terbakar atau dibakar oleh tangan atau perbuatan sendiri," tegasnya.



PEGAWAI-PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Perhutanan serta orang ramai bergotong-royong menanam pokok sempena Hari Perhutanan Sedunia 2001.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman ketika menanam pokok 'Royal Palm' sempena Hari Perhutanan Sedunia di Taman Rekreasi Tumpuan Telisai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda dan adinda baginda iaitu Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulla Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulla Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar kenangan bersama ketiga-tiga Tokoh Bakti Hijrah (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan kerabat diraja yang lain beramah mesra bersama ketiga-tiga tokoh tersebut. Juga kelihatan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Bakti Hijrah kepada Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mat Yassin bin Awang Damit (Gambar atas sekali).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersama anakanda dan adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah umat Islam yang sama-sama hadir memeriahkan suasana sambutan Tahun Baru Hijrah 1422 (kiri). Sementara gambar bawah, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara tartil telah disampaikan oleh Awang Haji Maruf bin Chuchu.



PARA penerima Anugerah Tokoh Bakti Hijrah bersama-sama pengiring masing-masing ketika bersedia untuk menerima anugerah tersebut daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulla.

Menggerakkan ASEAN ke era info-komunikasi

JERUDONG, 27 Mac. - Globalisasi, e-dagang, ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi dan konsep-konsep lain berkaitan teknologi maklumat dan perhubungan - ICT kini semakin berkembang dan menjadi penggerak kepada perubahan.

Bagi menghadapi perkembangan meluas ICT di seluruh dunia, para pemimpin ASEAN telah mengiktiraf betapa pentingnya ICT dan keperluan untuk menggerakkan rantau ASEAN ke dalam era infokomunikasi sejagat.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah menyatakan perkara tersebut ketika berucap merasmikan Mesyuarat ASEAN Mengenai Perkara-perkara Perkhidmatan Awam (ACCSM) - Seminar Mengurus Kerajaan Elektronik Dalam Perkhidmatan Awam berlangsung di sebuah hotel di sini.

Oleh
Sahari Akim

Oleh yang demikian saran Dato Paduka, ASEAN hendaklah menyelaraskan dasar-dasar, peraturan-peraturan dan standardisasi dalam ICT di kalangan ASEAN.

"Kita perlu meneliti isu-isu perundangan dan peraturan yang berkaitan dalam pembentukan dasar-dasar e-kerajaan yang boleh memudahkan pertumbuhan dan lalu lintas kepada teknologi tersebut."

Rangka kerja peraturan hendaklah 'technology neutral' dan berasaskan norma-norma antarabangsa," jelas Dato Paduka.

Dalam erti kata lain, tambah Dato Paduka, kita perlu mengembangkan rangka kerja yang kondusif kepada keusahawanan, inovatif, pasaran terbuka serta kompetitif.

Pada masa yang sama tambah Dato Paduka, ASEAN hendaklah juga menyedari bahawa kepesatan revolusi informasi mewujudkan cabaran-cabaran malahan ancaman-ancaman di mana kita tidak semestinya berpuas hati kerana kita tidak akan berpatah balik.

Dalam majlis itu, Dato Paduka juga menyatakan bahawa teknologi baru itu menghendaki kepakaran-kepakaran baru, perubahan minda, dasar-dasar ekonomi dan sosial di samping perubahan-perubahan dalam norma-norma budaya.

Ke arah itu, hala tuju masa depan hendaklah sentiasa disemak dan setiap negara haruslah menerima perubahan-perubahan dan menggiatkan ICT supaya mereka tidak akan tertinggal di belakang.

Seminar dua hari dihadiri oleh perwakilan dari negara-negara ASEAN itu membentangkan kertas kerja yang tertumpu kepada isu-isu termasuk sumber, prasarana dan pengurusan.

Ia juga telah menyentuh bidang-bidang lain yang berkepentingan seperti program-program kebangsaan mengenai ICT termasuk RAGAM 21 Negara Brunei Darussalam dan IT21 Republik Singapura.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah bergambar ramai bersama perwakilan dari negara-negara ASEAN sejurus merasmikan Mesyuarat ASEAN Mengenai Perkara-perkara Perkhidmatan Awam (ACCSM) - Seminar Mengurus Kerajaan Elektronik Dalam Perkhidmatan Awam yang berlangsung di sebuah hotel di Jerudong. - Gambar oleh Harun HR.



PEMANGKU Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Pengiran Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin (duduk di depan, tiga dari kiri) bersama para peserta dari negara-negara anggota ASEAN dan perwakilan asing ke negara ini di seminar sehari 'AFTA dan Kesannya Kepada Perdagangan Di Brunei Darussalam.' Majlis berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Gadong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

"BAGAIMANAKAH Brunei boleh mendapatkan faedah dari AFTA? Bagaimanakah sektor swasta kita mengambil faedah dari laluan baru dan peluang yang disediakan AFTA? Bagaimanakah para peniaga lelaki dan wanita kita memainkan peranan dalam memenuhi ekspektasi dan cabaran-cabaran yang dilontarkan kepada mereka hasil dari AFTA?" tegasnya.

GADONG, 24 Mac. - Pemimpin-pemimpin ASEAN memanfaatkan integrasi ekonomi serantau sebagai komponen penting dalam menangani krisis ekonomi yang telah melanda rantau ini.

Mereka menyedari ASEAN memerlukan pelaburan-pelaburan untuk memulihkan ekonominya di mana integrasi pasaran yang besar boleh menarik pelaburan yang lebih efektif berbanding pasaran kecil dan tidak bersatu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Pengiran Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin semasa merasmikan seminar sehari 'AFTA dan Kesannya Kepada Perdagangan Di Brunei Darussalam' berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC.

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-AFTA pada pandangan Pengiran Mohd. Salleh, diakui masih kekal relevan kepada ASEAN terutamanya selepas krisis kewangan melanda rantau ASEAN.

Jelasnya, krisis ekonomi memberikan ASEAN dua pilihan iaitu sama ada tidak mengambil berat tentang integrasi ekonomi serantau atau menghiraukannya, sementara pilihan lain ialah supaya ASEAN bergerak sejajar ke arah landasan yang boleh meningkat dan mem-

AFTA - Syarikat tempatan perlu bukti kemampuan

Oleh Sahari Akim

percepatkan proses AFTA.

Pengiran Mohd. Salleh berkata, integrasi ekonomi serantau menggariskan persaingan sesama mereka sebelum industri-industri dan firma-firma di rantau ini terpaksa menghadapi saingan yang dibawa oleh era globalisasi.

Katanya, persoalan yang timbul ialah adakah Negara Brunei Darussalam sebagai ekonomi kecil berkeyakinan bahawa syarikat-syarikat tempatan berkemampuan untuk bersaing dalam satu gelanggang bersama negara-negara ASEAN lain seperti Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan yang lain di samping adakah ruang bagi persaingan yang benar-benar adil.

Pada masa yang sama tambahnya, "Adakah persekitaran perniagaan di negara ini sudah bersedia menerima AFTA? Adakah sistem perniagaan, peraturan dan tatacara, insentif, cara bekerja kita semuanya mesra AFTA?"

Selain dari itu, ujarnya, adakah sektor swasta telah berjaya berkembang sebagai enjin kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti dihasratkan 10 tahun lepas bilamana Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ditubuhkan.

"Bagaimanakah Brunei boleh mendapatkan faedah dari AFTA? Bagaimanakah sektor swasta kita mengambil faedah dari laluan baru dan peluang yang disediakan AFTA? Bagaimanakah para peniaga lelaki dan wanita kita memainkan peranan dalam memenuhi ekspektasi dan cabaran-cabaran yang dilontarkan kepada mereka hasil dari AFTA?" tegasnya.

Menurutnya, Pusat Pengurusan ASEAN-EC, mungkin perlu mendengar daripada kawan-kawan dari Eropah bagaimana mereka boleh membantu negara ini untuk berjaya memanfaatkan AFTA.

Beliau juga berharap agar seminar sehari itu akan dapat dikongsi dan dimanfaatkan oleh agensi-agensi berkenaan selaku pemain utama dalam pelaksanaan Perjanjian AFTA di Negara Brunei Darussalam.

Seminar yang dihadiri oleh lebih daripada 70 peserta itu dianjurkan oleh Pusat Pengurusan ASEAN-EC dengan kerjasama Bank Islam Brunei, PSA Muara dan HRD Services.

Selain disertai oleh perwakilan dari sektor awam dan swasta, seminar itu juga dihadiri oleh para penyarah dan penuntut-penuntut dari institusi-institusi pengajian tinggi.

Juga hadir di perasmian seminar itu ialah duta-duta dari negara-negara anggota ASEAN serta perwakilan-perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan muhibah Pegawai Pemerintah Tentera Thailand

BERAKAS, 29 Mac. - Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Thai, Jeneral Surayud Chulanont yang berada di negara ini bagi undangan lawatan selama dua hari meneruskan atur cara dengan mengadakan kunjungan muhibah berasingan kepada Timbalan Menteri Pertahanan dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.


Oleh
Abu Bakar HAR

Kunjungan muhibah Jeneral Surayud Chulanont dimulai dengan kunjungan kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu

Ba'asith yang berlangsung di Kementerian Pertahanan.

Selepas itu, Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Thai kemudiannya beredar ke Mes Pegawai Bolkliah Kem bagi mengadakan kunjungan kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Dato Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari bin Ahmad.

PEGAWAI Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Thai, Jeneral Surayud Chulanont ketika mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith (atas kanan) dan kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Dato Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari (bawah kanan). - Gambar oleh Hamadi HM.



Perkahwinan memerlukan ilmu yang luas dan kesabaran

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

LUMUT, 30 Mac. - Kadi Daerah Belait, Pengiran Haji Noor Asmawi berkata, bagi mendirikan sebuah perkahwinan memerlukan ilmu yang luas, bertawakal dan berdoa kepada Allah kerana ianya bukan semudah yang dijangkakan.

Selain itu katanya, perkahwinan juga memerlukan kesabaran dan saling maaf-memaafi antara suami isteri yang melakukan kesilapan. Beliau berucap demikian di Majlis Penyampaian Sijil Nikah kepada 17 pasangan yang baru mendirikan rumah tangga. Majlis diadakan di Masjid Zainab di sini.

Justeru itu katanya, apabila berlaku masalah rumah tangga, hendaklah bersabar kerana masalah tersebut merupakan cabaran yang mendorong mereka menjadi insan yang tabah.

Katanya lagi, jika berlaku sebarang pancaroba, beliau menasihatkan mereka supaya berbincang antara pasangan masing-masing. Selain itu juga katanya, mereka hendaklah berprasangka baik terhadap pasangan masing-masing dan memahami antara sesama mereka.

Dengan cara demikian, rumah tangga mereka akan menjadi aman dan kekal seperti yang mereka inginkan 'Rumahku Syurgaku'.

Majlis anjuran Jabatan Hal Ehwal Ugama Kuala Belait dengan kerjasama ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Zainab adalah pertama kali diadakan.

Majlis Doa Selamat Stesen Minyak Kampong Sungai Teraban (KPKST)

Permulaan dalam era pembangunan

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 24 Mac. - Pembinaan stesen minyak di kawasan Kampong Sungai Teraban merupakan permulaan dalam era pembangunan yang pesat di kampung itu.

Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyatakan demikian di Majlis Doa Selamat dan Pecah Tanah Stesen Minyak Koperasi Peladang Kampong Sungai Teraban (KPKST) di Sungai Satu di sini.

Memandangkan kawasan kampung itu akan menjadi tempat strategik, Jabatan Daerah dan Majlis Perundangan Kampung katanya, akan membangun tempat tersebut sebaik yang mungkin dengan melakukan perancangan bagi memberikan pelbagai perkhidmatan termasuk komersil, kemasyarakatan dan perkhidmatan yang akan mengumpul aktiviti-aktiviti penduduk kampung.

Oleh kerana kampung tersebut mempunyai potensi yang cemerlang berdasarkan kawasannya bersempadan dengan negara jiran dan merupakan pintu masuk pelancong ke negara ini, Pegawai Daerah menyeru setiap warga di kampung berkenaan supaya menjaga imej dan prestij kampung mereka serta memelihara kebersihannya.

Di samping itu, Pegawai Daerah juga menyarankan agar mereka tidak mencemari kampung mereka dengan perkara negatif sebaliknya memaparkan perkara positif melalui budaya, cara hidup dan layanan berdasarkan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai falsafah negara yang memimpin kita ke arah kejayaan dunia dan akhirat.

Beliau berharap agar projek stesen minyak itu akan dituai dengan sepenuhnya dan mengekalkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat khususnya ahli-ahli jawatankuasa sementara dan tetap KPKST.

Di majlis itu juga, Pegawai Daerah berharap penduduk kam-

pung berkenaan akan dapat melibatkan diri di Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke daerah itu sempena hari keputeraan baginda nanti dengan menyediakan projek-projek kemajuan kampung termasuk pembangunan, kerohanian, pendidikan, pelancongan, kesihatan dan keselamatan.

Pegawai Daerah seterusnya mengumumkan bahawa sepanjang bulan Mei ini, akan diadakan Bulan Masyarakat Penyayang bagi Daerah Belait dengan menyediakan 12 projek.

Katanya, Bulan Masyarakat Penyayang akan mengangkat daerah ini untuk menjadi sebuah masyarakat contoh di kalangan masyarakat di negara ini, dalam memeduli dan memberi perhatian kepada masyarakat istimewa dalam menanamkan dan menyuburkan sifat kasih sayang di kalangan mereka.

Sepanjang bulan itu nanti, Pegawai Daerah berharap, setiap mukim dan kampung, pelajar sekolah, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan semua sektor dalam masyarakat digalakkan membuat pelbagai projek yang menjurus kepada masyarakat penyayang.

Pembinaan stesen minyak tersebut dijangka akan bermula akhir tahun ini dalam tempoh enam bulan di atas tapak seluas satu ekar mengikut spesifikasi yang telah ditentukan oleh Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM).

Dalam temu bual para pemberita dengan Timbalan Pengerusi KPKST, Awang Haji Abdul Rah-

man bin Mat menyatakan, proses pengendalian bagi pembinaan stesen minyak tersebut akan diwakili oleh ahli jawatankuasa KPKST dengan kerjasama BSM.

Beliau berpendapat, stesen minyak tersebut akan mempunyai masa depan yang cerah memandangkan lokasinya yang strategik bagi perkembangan masa depan koperasi tersebut.

Menurutnya, pembinaan stesen tersebut dibiayai sepenuhnya oleh 400 orang pemegang saham stesen minyak tersebut yang terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan penduduk Daerah Belait.

Sementara itu, Setiausaha KPKST, Awang Kifli bin Haji Omarali menerangkan, pembinaan stesen minyak tersebut akan dilakukan dengan cara berperingkat-peringkat. Menurutnya di fasa pertama, cuma dibina pengendalian penjualan minyak sahaja sementara di fasa kedua pula akan dibina kemudahan lain seperti perawatn kenderaan, restoran dan kedai runcit.

Katanya, stesen tersebut akan menjual semua jenis minyak kenderaan dan setiap tangki minyak yang ada di sana akan dibekalkan 32,000 liter minyak. Apabila bangunan stesen minyak tersebut siap nanti, ianya dijangka akan beroperasi pada waktu bekerja dan tenaga pekerja-pekerja terdiri daripada penduduk kampung berkenaan.

Dengan terbinanya stesen minyak tersebut, ianya akan dapat meningkatkan ekonomi penduduk kampung di samping membantu penduduk kampung yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani ketika merasmikan Majlis Doa Selamat dan Pecah Tanah Stesen Minyak Koperasi Peladang Kampong Sungai Teraban. - Gambar Ihsan Hajeh Saemah HZ.

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 28 Mac. - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perhubungan khususnya Jabatan Laut akan mengimlementasikan penguatkuasaan satu piawaian yang dinamakan 'Standards of Training, Certification and Watchkeeping For Seafarers 1978 As Amended In 1995' (STCW 95) kepada semua pihak berkuasa maritim, pemilik-pemilik kapal, institusi latihan maritim kapal, institusi latihan maritim, perubatan dan pengamal keselamatan laut serta kepada pelaut bermula Februari 2002.

Pengimlementasian penguatkuasaan ini diambil bagi memenuhi Konvensyen Pertubuhan Maritim Sedunia (IMO) yang menguatkuasakan satu skim piawaian yang universal bagi menangani latihan dan persijilan pelaut yang perlu dikemaskinikan oleh setiap negara yang menjadi ahli kepada IMO.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah menjelaskan mengenai penguatkuasaan ini ketika berucap sebelum merasmikan Taklimat Implimentasi Konvensyen Pertubuhan Maritim Sedunia (IMO) STCW 95 hari ini.

Katanya, Kementerian Perhubungan dan Jabatan Laut telah mengambil langkah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Buruh bagi menubuhkan satu 'Jawatankuasa Bertindak Bagi Latihan Maritim' di negara ini yang anggotanya terdiri daripada pihak kerajaan dan pihak swasta yang terlibat dalam maritim dan industri perkapalan di negara ini.

"Syarat bagi rujukan pada cadangan Jawatankuasa Bertindak ini akan meliputi aspek latihan dan pengambilan pelaut, yang diperkukuhkan pada potensi anak tempatan yang diambil dan dilatih yang mencapai Piawaian STCW 95 oleh institusi yang diiktiraf di dalam negara dan menempatkan mereka di kapal-kapal yang menggunakan bendera Negara Brunei Darussalam mengikut kelayakan dan pengalaman masing-masing," jelas beliau.

Tambahnya, dengan tertubuhnya jawatankuasa berkenaan nanti, Negara Brunei Darussalam akan boleh menyaksikan satu pewujudan institusi yang berkelayakan, pelaut tempatan yang dilatih dan bersedia untuk berkhidmat pada mana-mana kapal yang berdaftar di negara ini.

Kementerian Perhubungan dan Jabatan Laut ujarnya, akan terus komited bagi menyediakan apa juga bantuan kerajaan yang boleh bagi perkembangan dan pewujudan seperti Pusat Latihan Maritim di Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian tegasnya, Jabatan Laut telah memulakan satu inisiatif awal bagi memastikan semua bahagian yang berkaitan dan pegawai yang bersangkutan yang terlibat dikehendaki menjalani kursus dan prosedur-prosedur sebagai memenuhi Konvensyen STCW 95.

Sementara itu, dalam siaran akhbar Jabatan Laut kepada media menjelaskan, Negara Brunei Darussalam sebagai ahli kepada IMO akan terus memainkan peranan yang aktif dalam memastikan dan memantau piawaian tahap keselamatan aktiviti maritim bertumpu kepada piawai tahap keselamatan perkapalan perdagangan dan persekitaran maritim.

Pada tahun 1998, jelas siaran itu lagi, Jabatan Laut telah mengendalikan seminar kesedaran bertajuk 'Keselamatan Dalam Perkapalan' yang merangkumi mengenai keperluan Konvensyen Antarabangsa STCW 95 dan beberapa isu maritim yang berkaitan.

Ekoran daripada seminar itu, tambah siaran itu lagi Jabatan Laut sebagai fokus IMO dan Pentadbir Hal Ehwal Maritim Negara Brunei Darussalam dengan sokongan padu Kementerian Perhu-

Piawaian Maritim dikuatkuasakan 2002



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah ketika berucap merasmikan Taklimat Implimentasi Konvensyen Pertubuhan Maritim Sedunia (IMO) STCW 95. - Gambar oleh Masri Osman.

bungan mengorak langkah bagi memastikan Konvensyen STCW 95 ini digubal ke dalam Undang-undang Kebangsaan sebagai memenuhi keperluan konvensyen berkenaan.

Jelas siaran akhbar itu lagi, Konvensyen STCW 95 dan beberapa bahagian di Jabatan Laut juga akan melalui Piawaian ISO 9001/2000 bagi membolehkan Negara Brunei Darussalam diiktiraf ke dalam negara-negara 'Bersinar Putih' dan yang akan menguatkuasakan STCW 95 sepenuhnya.

Seorang pakar konsultasi dari Biro Perkapalan Amerika (ABS) yang beribu pejabat di Republik Singapura telah diundang bagi menyampaikan taklimat mengenai apakah Konvensyen STCW 95 itu.

Beliau ialah Kapten Daryl Braganza dari Republik Singapura yang memberikan taklimat kepada semua pengusaha perkapalan dan pemilik-pemilik kapal yang berdaftar di negara ini kepada mereka yang terlibat dalam perkapalan dan pelaut.

Katanya, Konvensyen STCW 95 adalah bertujuan bagi meningkatkan tahap keselamatan perkapalan bagi dikenal pasti mahupun diterima pakai oleh komuniti antarabangsa khususnya IMO.

PENGIMPLEMENTASIAN penguatkuasaan ini diambil bagi memenuhi Konvensyen Pertubuhan Maritim Sedunia (IMO) yang menguatkuasakan satu skim piawaian yang universal bagi menangani latihan dan persijilan pelaut yang perlu dikemaskinikan oleh setiap negara yang menjadi ahli kepada IMO.

Menurutnya, bukan sahaja Negara Brunei Darussalam khasnya pemilik-pemilik kapal saja tidak mengetahui akan keperluan STCW 95 mahupun akan implikasi konvensyen berkenaan dalam pengendalian operasi dan juga sistem pentadbiran harian, malah banyak lagi negara-negara di dunia ini belum lagi menguatkuasakan konvensyen tersebut.

DEKATKAN DIRI DENGAN ORANG BAWAHAN

KUALA BELAIT, 22 Mac. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyeru semua sektor masyarakat terutama pemimpin di daerah ini supaya mendekatkan diri dengan orang bawahan mereka, sambil menyela mi keperluan serta kesusahan hidup mereka.

Katanya, mereka hendaklah menanamkan perasaan kasih sayang dalam diri mereka bukan hanya terhadap masyarakat tetapi juga kepada kampung halaman, alam sekitar, agama, bangsa dan negara.

Berucap semasa mempengerusikan mesyuarat cadangan lantikan ahli Jawatankuasa Masyarakat Penyayang dan lantikan ketua-ketua Biro Masyarakat Penyayang yang diadakan di Dewan Raya Pejabat Daerah di sini.

Penubuhan Jawatankuasa Masyarakat Penyayang (MASPEN) bertujuan bagi membantu individu masyarakat yang bergelut dengan keru-

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

mitan dan keperluan dalam kehidupan sosial di samping melahirkan rasa keprihatinan dan kesedaran kepada individu masyarakat yang berilmu, berkuasa dan berwang untuk berbudi dan berjasa kepada golongan masyarakat yang menghadapi masalah sosial hidup yang tidak berkesudahan.

Ahli-ahli Jawatankuasa MASPEN terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat individu berilmu, berkuasa dan berwang yang dilantik menjadi badan penasihat, jawatankuasa kerja, jawatankuasa penyelidikan dan pengkajian dan jawatankuasa hal-ehwal sumber kewangan.

Mesyuarat cadangan lantikan Jawatankuasa Masyarakat Penyayang dan lantikan ketua-ketua Biro Masyarakat Penyayang.

Jawatankuasa berkenaan akan memberi perhatian dan bantuan terutama kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terdiri daripada kalangan ayah dan ibu yang menghadapi keruntuhan akhlak dalam membantu anak-anak dan keluarganya sendiri.

Selain itu perhatian dan bantuan juga diberikan kepada janda atau balu yang tersisih oleh suami dan keluarganya, untuk menampung kehidupan, kegiatan-

an-kegiatan yang tidak sihat dan halal yang terpaksa dilakukan untuk hidup.

Juga mendapat perhatian dan bantuan, anak-anak cemerlang dalam persekolahan tetapi terkandas kerana masalah sosial ibu dan ayah serta kemiskinan keluarga dan anak-anak yang diperhambakan atau teraniaya oleh keluarga sendiri untuk melakukan kegiatan sumbang, tidak sihat serta menjijikkan masyarakat serta individu yang dikeluarkan dari pusat-pusat tahanan kerana kesalahan jenayah.

Bagi mendapatkan sumber kewangan sebagai nadi penggerak jawatankuasa tersebut, kutipan derma daripada masyarakat daerah ini, kerja-kerja amal, jualan, sukan, persembahan atau pertunjukan, badan-badan pertubuhan, syarikat swasta dan sumber yang halal.

Matlamat kegiatan jawatankuasa berkenaan bagi memberi bantuan anak-anak cemerlang dalam persekolahan tetapi keluarganya dalam keadaan yang tidak sempurna dan berkeupayaan, memberi perkhidmatan kursus kaunseling, memberi bantuan melalui Skim Amanah Ikhtiar Masyarakat (AIM), memberi bantuan kerja sementara melalui skim Pusat Perkhidmatan Masyarakat (PPM) di kampung-kampung dan mukim daerah ini, memberi latihan kemahiran dalam bidang tertentu bagi membolehkan peserta dapat pekerjaan yang sesuai dan memberi bantuan melalui Skim Anak Angkat seperti yang diamalkan di sekolah-sekolah yang ada sekarang.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani semasa mempengerusikan cadangan lantikan Jawatankuasa Masyarakat Penyayang dan lantikan ketua-ketua Biro Masyarakat Penyayang, Daerah Belait tahun 2001. - Gambar ihsan Miri Daily News.

60 peratus ubat-ubatan ditemui di hutan tropika

BERAKAS, 22 Mac. - Hakisan biodiversiti yang berterusan di rantau ini boleh memberi kesan yang buruk bagi masa depan negara.

Melihat kepada trend semasa perkembangan bioteknologi didapati banyak spesies yang ditemui di hutan-hutan berpotensi sebagai sumber industri ubat-ubatan masa kini dan akan datang.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Matdanan bin Haji Jaffar menjelaskan perkara ini semasa merasmikan Bengkel Mengenai Pengurangan Impak Kebakaran Hutan Terhadap Biodiversiti Dalam ASEAN yang berlangsung di Hotel D' Anggerek di sini.

Awang Haji Matdanan berkata, sekurang-kurangnya 60 peratus ubat-ubatan dan produk semula jadi hari ini yang berasaskan dari bahan-bahan mentah yang ditemui di hutan-hutan tropika.

Beliau menambah, hasil itu semakin bertambah setiap masa, namun jika ia musnah akan mendatangkan kerugian besar kepada negara.

Dengan kewujudan bioteknologi, katanya, biodiversiti adalah begitu penting apabila diketahui pasaran bioteknologi global mencapai nilai lebih B\$250 bilion ketika ini.

Beliau yakin keadaan itu menyediakan satu peluang baru untuk mengetahui pengurusan hutan yang seimbang supaya proses pembangunan negara tidak mendatangkan kesan sampingan kepada persekitaran.

Beliau juga menggesa setiap pakar supaya bekerjasama dalam menyelidik dan mengurangkan jumlah kemusnahan biodiversiti yang

Oleh Aliddin HM

disebabkan oleh kebakaran.

Terdahulu dari itu beliau menjelaskan, tiga tahun lalu beberapa siri kebakaran hutan yang juga dialami oleh Negara Brunei Darussalam telah mengubah ekonomi dan landskap alam sekitar rantau ini yang mana berjuta-juta hektar kawasan hutan telah musnah akibat kejadian itu.

Beliau menambah, kegiatan-kegiatan ekonomi dan mata pencarian terjejas, kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam usaha memadam kebakaran.

Di samping itu juga katanya, sekolah-sekolah terpaksa ditutup dan bentuk landskap terjejas.

"Dengan bantuan dan panduan dari Pusat Pengkalan Biodiversiti ASEAN akan dapat mengatasi masalah ini yang akan dikembangkan dan dipertingkatkan ke dalam Rancangan Tindakan Pengkalan Biodiversiti ASEAN," katanya.

Bengkel selama dua hari itu dianjurkan bersama oleh Pusat ASEAN Bagi Pemeliharaan Biodiversiti dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Ianya dihadiri oleh 70 orang perwakilan dari negara-negara anggota ASEAN serta pakar-pakar dari Kesatuan Eropah.

Semasa bengkel, mereka telah membincangkan beberapa isu yang berhubung kait dengan masalah kebakaran hutan dan kerosakan biodiversiti.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Matdanan bin Haji Jaffar (dua dari kanan) ketika hadir merasmikan Bengkel Mengenai Pengurangan Impak Kebakaran Hutan Terhadap Biodiversiti Dalam ASEAN. Majlis berlangsung di sebuah hotel di Berakas. - Gambar oleh Halim HS.

Sekolah Menengah Sayyidina Ali terima sumbangan komputer

Oleh
Dk. Hj. Saidah PHOA

yang menunjukkan komitmen yang positif dalam bidang pendidikan di negara ini.

Beliau seterusnya memaklumkan bahawa penuntut-pe-

nuntut di sekolah itu tidak mampu membiayai persekolahan mereka akan menerima bantuan kewangan daripada seorang ahli perniagaan di daerah tersebut.

PANDAN, 21 Mac. - Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Cikgu Koh Hung Pua berharap akan lebih banyak lagi syarikat-syarikat tempatan di Daerah Belait tampil untuk menyumbangkan bantuan kepada pihak sekolah demi memajukan pelajaran penuntut-penuntut.

Cikgu Koh menyampaikan harapan itu di Majlis Penyampaian Derma satu unit komputer baru yang lengkap daripada Kumpulan Syarikat-Syarikat Malai Mashhor yang disampaikan oleh Pengurus Am syarikat berkenaan, Awang Haji Osman bin Haji Omar kepada pengetua sekolah berkenaan yang diadakan di sekolah tersebut.

Menurut Cikgu Koh, sumbangan tersebut akan dapat meningkatkan tahap akademik penuntut terutama dari segi teknologi maklumat (IT) yang sangat diperlukan pada masa ini.

Melalui sumbangan itu katanya, menunjukkan komitmen syarikat berkenaan terutama dari segi pendidikan dan kemajuan pembelajaran di daerah itu.

Sehubungan dengan itu, beliau menyampaikan penghargaan kepada syarikat berkenaan



PENGURUS Am Kumpulan Syarikat-syarikat Malai Mashhor, Awang Haji Osman bin Haji Omar menyampaikan sebuah unit komputer baru yang lengkap kepada Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Cikgu Koh Hung Pua. - Gambar Ihsan Miri Daily News.



PARA perwakilan dari negara-negara anggota ASEAN ketika menghadiri Bengkel Mengenai Pengurangan Impak Kebakaran Terhadap Biodiversiti Dalam ASEAN. - Gambar oleh Halim HS.

Daging diragui kehalalannya dirampas

KUALA BELAIT, 27 Mac. - Hasil daripada maklumat orang ramai, pihak berkuasa negara ini sekali lagi telah berjaya menumpaskan kegiatan menjual daging mentah yang diragui kehalalannya di Negara Brunei Darussalam.

Sejumlah 669.04 kilogram hati buyah lembu, daging lembu, daging ayam, daging burger dan ayam seosej jenama 'rose' yang dipercayai dibeli dari negara jiran yang dibawa masuk ke negara ini melalui jalan darat telah berjaya dirampas oleh Pegawai-pegawai Pencegah Kastam Cawangan Pencegah Kuala Belait dan Pegawai-pegawai Lembaga Mengeluar Permit Import Daging Halal Kuala Belait.

Turut dirampas tempat menyimpan daging-daging berkenaan berupa dua buah peti beku (freezer) dan sebuah kontena (cool box).

Dalam kejadian itu, seorang lelaki tempatan berbangsa Melayu yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, berusia 37 tahun telah ditahan oleh pegawai-pegawai berkenaan di kediamannya di Kampong Mumong.

Oleh Dk. Hj. Saidah PHOA

Ketika pihak berkuasa yang diketuai oleh Penolong Penguasa Kastam Cawangan Pencegah Kuala Belait tiba di rumah tersebut kira-kira jam 9.17 malam, lelaki berkenaan sedang sibuk menanggalkan bungkusan-bungkusan plastik asal pada daging-daging berkenaan sehingga tidak menyedari mereka tiba.

Daging-daging tersebut disimpan dalam kontena untuk dijual kepada orang ramai terutama pembekal-pembekal persendirian yang dikatakannya dibelinya dari Pusat Penyembelihan Daging Mulaut.

Menurut laporan, daging-daging berkenaan dijual dengan harga lebih murah berbanding di kedai-kedai. Lelaki tersebut, ayah kepada tiga orang anak diikat jamin dan kini menanti perbicaraan.



SEJUMLAH 669.04 kilogram daging mentah yang diragui kehalalannya di Negara Brunei Darussalam, dua peti beku dan sebuah kontena berjaya dirampas oleh pihak Pencegah Kastam Cawangan Pencegah Kuala Belait dan Lembaga Mengeluar Permit Import Daging Halal Kuala Belait. - Gambar Ihsan Miri Daily News.

Oleh Bolhassan HAB



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel Perkembangan Kepimpinan Belia. - Gambar oleh Amat HM.

GADONG, 25 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata, perbezaan besar di antara pendekatan yang digunakan bagi melaksanakan kegiatan oleh pergerakan belia beruniform dengan yang bukan beruniform masih dapat diatasi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yakin apa jua perbezaan yang terdapat, boleh diselarasikan dengan baik melalui muafakat dan muzakarah di peringkat perancangan dan pelaksanaan sesuatu program atau kegiatan yang dibuat secara

bersepadu.

"Tidak syak lagi penyertaan mereka itu merupakan satu petanda baik kepada apa jua usaha bagi menimbulkan kerjasama yang positif antara dua jenis pergerakan belia ini di masa-masa akan datang," tegas Yang Berhormat di Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel Perkembangan Ke pimpinan Belia anjuran Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) di sini.

Menyentuh mengenai tema bengkel 'Cabaran-cabaran Di Alam Baru', Yang Berhormat yang juga selaku Ketua Pengakap seterusnya berkata, "Kita sedia menyedari bahawa perubahan yang dibawa oleh arus globalisasi serta perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dewasa ini telah membawa kepada perubahan masyarakat dan tuntutan-tuntutan serta permasalahan baru yang tentunya memerlukan cara penyelesaian yang baru juga."

Bengkel dua hari yang julung-julung kalinya diungkuhkan bersama Persatuan Pandu Puteri itu adalah sebagai persediaan untuk mengadakan Perkhemahan Belia Antarabangsa sempena Tahun Melawat Brunei 2001 pada bulan Ogos tahun ini.

Lebih 90 orang ahli Persekutuan Pengakap dan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam menyertai bengkel yang berlangsung di bangunan Ibu Pejabat PPNBD di sini.

Laksanakan kegiatan secara bersepadu



LEBIH 90 ahli Persekutuan Pengakap dan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam menyertai Bengkel Perkembangan Kepimpinan Belia anjuran PPNBD. - Gambar oleh Amat HM.

Demonstrasi masakan tambah menu hidangan

Oleh Siti Muslihat HS

JERUDONG, 26 Mac. - Dalam memeriahkan suasana Tahun Melawat Brunei 2001 (TMB) ini, penyertaan daripada semua pihak adalah perlu dalam sama-sama menanai tanggungjawab bernegara.

Adalah tidak wajar untuk hanya menyerahkan segala tugas dan tanggungjawab kepada agensi yang berkenaan dalam kerajaan untuk mengajurkan sambutan dan acara-acara kerajaan.

Sehubungan ini, sebuah syarikat multimedia tempatan tidak ketinggalan dalam mengajurkan acara sempena Tahun Melawat Brunei 2001 ini dengan mengadakan satu demonstrasi memasak bersama seorang pakar masakan dari Malaysia iaitu Haji Ridzuan bin Haji Ismail yang lebih dikenali 'Chef Wan'.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang berlangsung di Restoran Kelab Polo Jerudong ialah isteri Menteri Perhubungan, Datin Paduka Dayang Hajah Jusnani binti Haji Lawie.

Semasa berucap di majlis itu, Datin Paduka berharap demonstrasi ini sekurang-kurangnya akan dapat menimba cara baru dalam menyediakan hidangan yang berselera kepada keluarga dan di waktu yang sama dapat mempraktikkan resipi yang ada.

Menyentuh mengenai keutamaan Tahun Melawat Brunei 2001, Datin Paduka menjelaskan ianya dapat membantu ekonomi negara ini di mana pelancongannya katanya, boleh menyumbang kepada Keluaran Kasar Dalam Negeri. Ini katanya, menjadi tanggungjawab semua pihak dalam mendukung projek kerajaan khususnya TMB 2001.

Sementara itu, Pengurus Syarikat Rushdan Sendirian Berhad, Dayang Hajah Ernie Yusnani binti Abdul Samad selaku pengerusi majlis semasa berucap menjelaskan, acara yang dianjurkan itu merupakan sumbangan daripada syarikatnya.

Selain acara demonstrasi memasak, syarikatnya mempunyai projek dan rancangannya tersendiri iaitu untuk memberi khidmat kepada masyarakat dalam bidang kerjaya melalui bengkel serta seminar menurut kesesuaiannya, jelas beliau.

Demonstrasi memasak sehari itu dibukakan kepada orang ramai dengan menawarkan tiket-tiket berharga \$100.00, \$70.00 dan \$50.00. Demonstrasi tersebut telah menyediakan beberapa resipi daripada Chef Wan yang antaranya termasuk hidangan ayam, daging dan udang.

Menurut pihak penganjur, sebahagian daripada hasil kutipan penjualan tiket-tiket berkenaan akan didermakan kepada Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA).



HAJI Ridzuan bin Haji Ismail yang lebih dikenali dengan 'Chef Wan' ketika mengadakan demonstrasi memasak. Juga kelihatan ialah tetamu kehormat di majlis itu, Datin Paduka Dayang Hajah Jusnani, isteri Menteri Perhubungan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Perkhemahan Membaca 2001

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

LABI, 24, Mac. - Perkhemahan Membaca merupakan salah satu cara bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan murid-murid sekolah ke arah pembentukan masyarakat yang gemar membaca.

Seramai 127 orang murid daripada 16 buah sekolah rendah di Daerah Belait menyertai Perkhemahan Membaca 2001 yang diadakan selama dua hari di Sekolah Rendah Rempayoh.

Perkhemahan tersebut merupakan salah satu aktiviti membaca bagi murid-murid rendah atas sekolah-sekolah rendah di daerah ini bagi menarik minat membaca selain mendidik mereka bekerja secara berkumpulan di samping mempelbagaikan kaedah untuk menanamkan minat membaca.

Melalui perkhemahan itu mereka dapat memperolehi kemahiran dan memperkembangkan kemahiran membaca. Se-

panjang perkhemahan, mereka menyertai aktiviti berbentuk ceramah dan bengkel yang menjurus kepada budaya membaca yang disampaikan oleh guru-guru yang mempunyai kemahiran dalam bidang pembacaan.

Selain menyertai ceramah, murid-murid berkenaan juga mengikuti aktiviti pengukuhan membaca termasuk membaca dan bercerita, menyusun gambar yang berayat, membaca puisi dan mencari perkataan tersembunyi.

Bagi memeriahkan lagi perkhemahan tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka dan beberapa toko buku di negara ini telah mengadakan pameran dan penjualan buku-buku.

SUKAN..... SUKAN..... SUKAN..... SUKAN.....

Berekspedisi perlukan fizikal, mental kuat

TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan berkata, kegiatan ekspedisi yang dibuat oleh Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) telah berjaya mempromosikan negara ini di luar negara sempena Tahun Melawat Brunei 2001.

Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Abu Bakar menambah, berekspedisi memerlukan seorang individu itu yang tahan lasak dari segi fizikal dan mental kerana kegiatannya dibuat melalui jalan yang jauh dan mencabar.

Jelasnya, di sinilah setiap individu itu harus mempunyai rasa tanggungjawab dan setia kawan (teamwork) kerana apa jua yang di lalui dan tempuhi hendaklah ditangani bersama meskipun mengalami kerosakan kenderaan.

"Semangat berekspedisi bukanlah hanya

Oleh Abdullah Asgar

mementingkan diri sendiri atau kau-kau, aku-aku," tegasnya.

Beliau berucap demikian sebelum menyampaikan sijil di Majlis Makan Malam dan Penyampaian Sijil kepada peserta Lawatan Muhibah ke Sandakan, Sabah oleh Persatuan PEMODA pada awal Mac lalu di sebuah restoran di sini pada 24 Mac lepas.

Sementara itu wakil PELITA BRUNEI diberitahu oleh Naib Yang Dipertua PEMODA, Awang Md. Shahminan bin Haji Awang Besar, ekspedisi kali ini adalah bertujuan mengeratkan tali silaturahmi di kalangan penunggang motosikal berkuasa tinggi di antara Negara Brunei Darussalam dan daerah-daerah di Sabah khususnya di Sepilok.

Lawatan tersebut adalah untuk mempromosikan Tahun Melawat Brunei 2001, di samping sebagai membalas lawatan ahli-ahli Sepilok Superbikers Club Sabah, Malaysia beberapa tahun lalu.

Jelasnya, semasa berada di sana, pihak tuan rumah telah menyediakan kegiatan lawatan ke tempat-tempat menarik dalam perjalanan ke Sepilok termasuk Taman Burung Labuan dan Taman Sepilok.

Selain itu katanya, lawatan ini juga sebagai undangan penunggang motosikal berkuasa tinggi Sabah bagi menyertai Brunei International Big Bike Fair (BIBBF) pada bulan Jun yang mana dijangka 10,000 pengunjung akan menyaksikan pameran itu.

Beliau menambah, ekspedisi ini berjaya mengumpulkan lebih 138 motosikal berkuasa tinggi termasuk dari Negara Brunei Darussalam, Wilayah Persekutuan Labuan dan daerah-daerah



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Abu Bakar ketika menyampaikan hadiah kepada seorang belia yang memenangi Ekspedisi Berbasikal Minal Masjid Ilal Masjid. - Gambar oleh Masri Osman.

100 belia sertai Ekspedisi Berbasikal

Oleh
Abu Bakar HAR

KIARONG, 18 Mac. - Lebih 100 orang belia-belia masjid dari Masjid Kampong Tamoi, Masjid Kampong Bunut, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Surau Kampong Tanjung Bunut yang menyertai Ekspedisi Berbasikal Minal Masjid Ilal Masjid berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil.

Majlis penutup yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Abu Bakar.

Awang Haji Mohd. Yusof dalam ucapannya menegaskan dengan adanya aktiviti seperti ini akan dapat menarik lebih ramai belia datang ke masjid di samping menjadikan sukan

sebagai riadah yang sihat.

Dengan adanya ekspedisi seperti ini tambah Awang Haji Mohd. Yusof, akan dapat melahirkan belia-belia yang sihat, kuat dan beriman.

Setentunya dengan adanya program yang diunkayahkan ini sekurang-kurangnya akan dapat menarik minat para belia untuk mendampingi masjid, di mana akhir-akhir ini sukan berbasikal semakin diminati terutama oleh golongan belia di negara ini.

Selama mengikuti program ini, para belia yang menyertainya telah disajikan dengan pelbagai santapan rohani seperti sembahyang berjemaah, cera-

mah-ceramah agama, kuliah subuh di samping adab dan akhlak-akhlak yang mulia.

Ekspedisi yang dianjurkan bersama oleh Masjid Kampong Bunut, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Kampong Tamoi dan Surau Kampong Tanjung Bunut ini antara lain bertujuan untuk mengiringi belia-belia supaya berjinak-jinak dengan masjid, menyeimbangkan antara ibadat dan riadah serta menjadikan masjid sebagai tempat perhimpunan yang diredai Allah.

Sebelum para peserta meninggalkan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah menuju Masjid Kampong Bunut dan seterusnya balik ke rumah masing-masing, mereka telah sempat menunaikan sembahyang fardu Asar berjemaah.



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Haji Haris ketika menyampaikan hadiah kepada Awang Hamdani bin Haji Besar yang muncul sebagai juara Kejuaraan Mountain Bike Jelajah Tanjong Maya-Ulu Tutong. - Gambar oleh Masri Osman.

Hamdani juara mountain bike anjur PERTAMA



PARA pemenang dalam Kejuaraan Mountain Bike Jelajah Tanjong Maya - Ulu Tutong anjuran Persatuan Kampong Tanjong Maya (PERTAMA) dengan kerjasama Persatuan Pacuan 4x4 Tutong gembira dengan hadiah masing-masing. - Gambar oleh Masri Osman.

HAMDANI Haji Besar tidak melepaskan peluang untuk sekali lagi muncul juara di Kejuaraan Mountain Bike Jelajah Tanjong Maya-Ulu Tutong anjuran PERTAMA (Persatuan Kampong Tanjong Maya) dengan kerjasama Persatuan Pacuan 4x4 Tutong.

Beliau menewaskan lebih 130 pelumba yang lain yang menyertai dalam kategori lelaki terbuka dengan mencatat 1 jam 45 minit 20 saat pada laluan lebih 55 kilometer yang kebanyakan berbatu, becak, berbukit dan jalan tar.

Dalam kategori lain remaja 15 tahun ke bawah, johan ialah Masri bin Metassan, manakala bahagian veteran 40 ke atas, juara ialah Awang Greg Parker dengan catatan masa 1 jam 58 minit.

Menurut pihak penganjur, lebih 250 pelumba daripada seluruh negara menyertai perlumbaan kali ini yang dianggap sangat mencabar oleh kebanyakan pelumba kerana laluan yang dipenuhi dengan jalan berbukit dan becak yang agak menyukarkan sebahagian pelumba, kerana ada yang tidak boleh menamatkannya disebabkan keletihan.

Akan tetapi, ada juga laluan yang berbatu dan tar yang agak mudah bagi sebahagian pelumba untuk membuat 'break away' bagi memisahkan diri daripada kelompok besar.

Taktik ini berjaya yang mengakibatkan kelompok besar berpecah kepada beberapa kelompok lain hinggalah ke garis penamat di hadapan bangunan Kop-

Oleh Haji Ahmad HS

erasi Kampong Tanjong Maya.

Hadiah-hadiah kepada pemenang lelaki terbuka disampaikan oleh tetamu kehormat, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Haris bin Pengiran Shabbudin.

Ini adalah perlumbaan kedua oleh persatuan di Daerah Tutong bagi sama-sama mengembangkan sukan lumba basikal khususnya 'mountain bike', di mana jika ia dikendalikan dengan usaha sama oleh persatuan daerah dan kebangsaan, mungkin satu hari nanti satu kejuaraan bertaraf serantau dan antara-bangsa boleh diadakan di negara ini.

Keputusan penuh kategori lelaki terbuka adalah seperti berikut 1-Hamdani Haji Besar, 2- Chung Kiew Meng, 3- Md. Al-Wadud bin Haji Aini, 4- Haji Herman bin Haji Timbang, 5- Siman bin Lamit, 6- Cheng Chew Lee, 7- Haji Md. Hatta bin Haji Mohd. Idris, 8- Md. Shafee bin Haji Osman, 9- Abdullah bin Asgar dan 10 - Haji Mustafa bin Haji Abd. Hamid.

Keputusan penuh bagi lelaki veteran 40 ke atas ialah 1 - Greg Parker, 2 - Haji Saifuddin bin Haji Ibrahim dan 3 - Haji Muhammad bin Abdullah dan bagi remaja 15 tahun ke Bawah 1- Masri bin Metassan, 2 - Md. Azuddin bin Haji Seruddin dan 3 - Andy Hadyat bin Sambyr.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan bersara, Datin Hajah Hazizah binti Haji Adam dan isteri Pemerintah ABDB yang baru, Datin Hajah Salbiah binti Haji Mohd. Yusof. Majlis berlangsung secara berasingan di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong.



Kebawah DYMM Raja Isteri dan DYTM Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan bersara dan isteri Pemerintah ABDB yang baru.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap Datin Hajah Hazizah binti Haji Adam, isteri Pemerintah ABDB yang akan bersara, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral

Oleh Sahari Akim dan Aliddin HM

Dato Paduka Seri Haji Awang Shari bin Ahmad dan Datin Hajah Salbiah binti Haji Mohd. Yusof, isteri Pemerintah ABDB yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap di Istana Nurul Iman, sementara Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap di Istana Nurul Izzah, Jerudong.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Perutusan Khas Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Paul Dominguez yang beranggotakan di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Masri Osman.

FEALAC luaskan skop kerjasama

Oleh Haji Ahat HI dari Santiago, Chile

SANTIAGO, 29 Mac. - Forum Kerjasama Asia Timur dan Amerika Latin (FEALAC) bukan saja berfokus kepada kerjasama perdagangan atau ekonomi, malahan juga meluas kepada pelbagai skop bidang kerjasama serta kepentingan negara-negara anggota FEALAC.

Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar dalam ucapan alu-aluan semasa Sidang Sesi Plenari Mesyuarat Menteri-menteri FEALAC menyatakan bahawa FEALAC juga merupakan saluran ke arah memperluaskan bidang-bidang kebudayaan dan berkongsi pendapat dalam pelbagai isu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri sesi ple-

nari Mesyuarat Menteri-menteri Forum FEALAC di sini.

Dalam ucapan alu-aluan di sesi plenari itu, Tuan Yang Terutama berkata, "Kita melihat penubuhan FEALAC ini satu idea bagi merapatkan peluang-peluang pelbagai kerjasama. Kesempatan ini bukan saja mengenai kerjasama perdagangan dan ekonomi, malahan juga sebagai saluran ke arah memperluaskan bidang-bidang kebudayaan serta perkara atau isu-isu yang berkaitan dalam anggota FEALAC," katanya.

Tuan Yang Terutama menambah, "Pengalaman-pengalaman dari negara-negara anggota FEALAC amat berfaedah dikongsi bersama bagi menegakkan asas kukuh untuk faedah kerjasama yang lebih luas."

Daripada pengalaman ke-

dua-dua pihak itu juga katanya, akan dapat menerokai ruang kerjasama yang lebih luas, dengan cabaran dunia tanpa sempadan.

Selanjutnya, Tuan Yang Terutama menjelaskan bahawa dengan dunia yang sudah disatukan daripada rangkaian teknologi selepas tamat era perang dingin, persefahaman dan kerjasama kini terus terjalin.

Sebelum ini katanya, keadaan dunia tidak stabil dengan sistem perhubungan antarabangsa yang usang serta ruang globalisasi ekonomi amat terhad.

"Dan kini apabila kita melihat kepada langkah FEALAC dengan mesyuarat terdahulu di Republik Singapura dan kemudian di Santiago tahun lalu, sokongan serta galakan dua pihak amat menggalakkan untuk meneruskan hubungan pelbagai kerjasama antara Asia Timur dan Amerika Latin," jelas Tuan Yang Terutama.

Menerima mengadap Perutusan Khas Presiden Republik Filipina

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan menerima mengadap Perutusan Khas Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Tuan Paul Dominguez yang beranggotakan di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama Tuan Paul Dominguez yang berada di negara ini merupakan Perutusan

Khas Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Presiden Gloria Arroyo.

Hadir di Majlis Mengadap itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

BERSAMA-SAMA MENANGANI MASALAH SOSIAL

دتریتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.